



PARLIMEN MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS
2017

**Jawapan-Jawapan Pertanyaan Jawab
Lisan Harian Yang Tidak Dapat Dijawab
Dalam Dewan Rakyat Daripada
Kementerian**

HARI ISNIN : 3 APRIL 2017

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO.9 HINGGA NO. 53)**

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING
PARLIMEN MALAYSIA**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK JUMAT BIN IDRIS [SEPANGGAR]

TARIKH : 3 APRIL 2017

SOALAN : 9

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah strategik Esscom dalam menjamin keselamatan para nelayan daripada menjadi mangsa serangan pegganas di perairan Sabah.

Tuan Yang Di-pertua,

ESSCOM sentiasa komited dalam menjaga keselamatan Pantai Timur Sabah. Pelbagai langkah telah diambil bagi membendung masalah jenayah rentas sempadan di Pantai Timur Sabah.

Langkah pengukuhan dan memperketatkan keselamatan yang dilakukan oleh ESSCOM khususnya di pusat peranginan, sangkar ikan dan laluan-laluan berisiko telah memaksa KFRG menukar *modus operandi* dengan mengubah sasaran-sasaran mudah seperti kapal-kapal dagang yang bergerak perlahan, bot-bot tunda, bot-bot nelayan terpencil dan lain-lain pendekatan secara rambang.

Justeru itu, ESSCOM sentiasa berusaha memperkemaskan atur gerak aset dan trup serta memantau dengan memberi keutamaan kepada pergerakan vesel-vesel yang bergerak perlahan atau yang mempunyai *low freeboard* serta bot-bot nelayan terpencil. Selain itu, aset-aset sentiasa digerakkan mengikut kawasan-kawasan yang disyaki berdasarkan pengamatan analisa ESSCOM di Pusat Operasi (PUSOP) tentang pergerakan mencurigakan/ "*irregular movement*" terhadap kapal-kapal atau bot-bot di kawasan Pantai Timur Sabah.

ESSCOM juga telah mewujudkan satu saluran komunikasi baru yang dikenali sebagai "*Channel 16*" bagi memudahkan perhubungan sekiranya ada berlaku kecemasan atau sebagainya. Para nelayan dan krew-krew kapal disarankan untuk menggunakan alat komunikasi dan perhubungan kerana alat ini berperanan sebagai

sistem perhubungan terkoordinasi di antara nelayan dan pasukan keselamatan. Sehingga kini, ESSCOM telah memasang 58 buah "*repeater station*" bagi "*Channel 16*" di balai-balai polis, markas taktikal dan pos-pos kawalan. Bilangan pemasangan alat ini akan ditingkatkan dari semasa ke semasa.

Selain daripada itu, ESSCOM sentiasa menggalakkan pemasangan *Automatic Identification System (AIS)* oleh pengusaha bot dan nelayan-nelayan supaya PUSOP dapat memantau pergerakan serta mengatur gerak bantuan sekiranya berlaku kecemasan. ESSCOM juga sentiasa mengalu-alukan bantuan dan sokongan daripada masyarakat awam terutamanya para nelayan agar memaklumkan maklumat atau infomasi berkenaan jenayah rentas sempadan kepada PUSOP ESSCOM.

Sukarelawan-sukarelawan Maritim juga telah ditubuhkan di mana Ahli-Ahli Parlimen di kawasan ESSZONE telah dilantik menjadi Komander Maritim Kehormat. Kita selanjutnya akan melantik Ahli-Ahli Sukarelawan Maritim yang terdiri dari warga tempatan untuk bersama-sama menjaga kawasan masing-masing. Konsep menjaga keselamatan bersama-sama ini adalah sama dengan apa yang disebut sebagai keselamatan menyeluruh (HANRUH). Pendekatan ini membolehkan peranan tali-tali barut dikurangkan dan semangat menjaga Negara ditingkatkan. Negaraku Malaysia.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN PM22(5)

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 3.4.2017

SOALAN :

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan syarat-syarat untuk membuka kelas bahasa Tamil dan Cina di sekolah kebangsaan dalam waktu sekolah kenapa masih ada permintaan untuk membuka kelas bahasa ibunda yang tidak dilayan oleh pihak sekolah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagaimana termaktub di dalam Akta Pendidikan 1996, "kemudahan bagi pengajaran bahasa Cina atau Tamil hendaklah diadakan jika ibu bapa sekurang-kurangnya lima belas orang murid di sekolah itu memintanya". Sehubungan dengan itu, tiada halangan bagi mana-mana sekolah kebangsaan (SK) untuk membuka kelas bahasa yang berkenaan jika syarat tersebut dipenuhi.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyediakan kurikulum Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK) dan Bahasa Tamil Sekolah Kebangsaan (BTSK) untuk pelaksanaan di SK. Masa pengajaran adalah

sebanyak 90 minit seminggu. Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Cina dan Bahasa Tamil di sk bermula dari Tahun 1.

RJM88a

SOALAN NO. : 11

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI SHABUDIN BIN YAHAYA [TASEK
GELUGOR]**

TARIKH : 3 APRIL 2017 (ISNIN)

NO. RUJUKAN :

SOALAN :

Dato' Haji Shabudin Bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah pendirian Kerajaan Persekutuan terhadap cadangan penambakan laut bagi pembinaan tiga buah pulau buatan di Pulau Pinang yang dikhuatiri menjejaskan ekosistem serta sumber pendapatan nelayan setempat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sebarang cadangan projek pembangunan di Malaysia termasuklah penambakan laut hendaklah mendapatkan kelulusan daripada Kerajaan negeri contohnya daripada Pihak Berkuasa Tempatan melalui proses *One Stop Centre* (OSC) berdasarkan undang-undang yang berkaitan. Dalam proses OSC ini, Jabatan Alam Sekitar (JAS) merupakan salah satu agensi-agensi lain yang akan memberikan input berkenaan keperluan JAS bagi cadangan projek tersebut berdasarkan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Cadangan penambakan laut bagi pembinaan tiga buah pulau buatan di Pulau Pinang adalah tertakluk di bawah Seksyen 34A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 di mana pemaju projek dikehendaki mengemukakan Laporan EIA kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) untuk kelulusan memandangkan projek tersebut merupakan aktiviti yang ditetapkan di bawah Perintah Kualiti Alam Sekeliling (Aktiviti Yang Ditetapkan) (Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling) 2015.

JAS telah menerima *Terms of Reference* (TOR) Laporan EIA bagi cadangan projek tersebut yang telah disediakan oleh Jururunding EIA yang berdaftar dengan JAS, Dr. Nik & Associates Sdn Bhd (DNA) bagi pihak pemaju projek, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan SRS Consortium Sdn Bhd pada 11 Februari 2016 dan telah diluluskan pada 23 Mei 2016. Walaubagaimanapun sehingga kini JAS masih belum menerima Laporan EIA.

Pemaju projek dikehendaki menyediakan Laporan EIA dengan menjalankan kajian impak ke atas isu-isu kritikal antara lainya impak kepada kualiti air, hidraulik, ekosistem dan sosio ekonomi nelayan setempat. Laporan EIA tersebut juga hendaklah mengandungi antara lainya cadangan langkah-langkah kawalan, pelan pengurusan alam sekitar, pematuhan sendiri (*self regulation*), dan jadual aktiviti perlaksanaan projek di semua peringkat pembangunan projek tersebut.

Dalam hubungan ini, pemaju projek semasa pelaksanaan penambakan bagi pulau buatan hendaklah mengambil langkah pencegahan dan kawalan pencemaran yang berkesan seperti yang ditetapkan dalam Syarat-Syarat Kelulusan Laporan EIA. Sekiranya kerosakan atau pencemaran berlaku semasa kerja-kerja penambakan, pemaju projek adalah terdedah kepada tindakan perundangan serta menanggung segala kos yang melibatkan kerja-kerja rehabilitasi bagi kawasan yang terlibat.

JAS akan mengambil tindakan penguatkuasaan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan dibawahnya kepada pemaju projek sekiranya :

- (i) Projek telah dimulakan tanpa laporan EIA disediakan dan tidak mendapat kelulusan daripada JAS; dan
- (ii) Ketidapatuhan terhadap syarat-syarat kelulusan EIA projek tersebut seperti mengeluarkan notis arahan, kompaun atau tindakan mahkamah bagi projek yang telah mendapat kelulusan laporan EIA.

Disamping itu, JAS boleh mengenakan perintah berhenti kerja atau perintah larangan bagi projek yang belum mendapatkan kelulusan EIA, ketidakpatuhan terhadap syarat-syarat kelulusan EIA atau yang menyebabkan pencemaran yang serius.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN
NIK ABDUL AZIZ [PASIR MAS]**

TARIKH : 3.4.2017

SOALAN :

Tuan Nik Mohamad Abduh Bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan statistik pelajar sekolah dari seluruh Malaysia yang terlibat dengan aktiviti penyalahgunaan dadah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tahun 2016 seramai 1,732 iaitu 1,720 murid lelaki dan 12 murid perempuan telah dilaporkan oleh Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) terlibat mencuba dadah.

SOALAN NO. : 13

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR]

TARIKH : 3 APRIL 2017 (ISNIN)

NO. RUJUKAN :

SOALAN :

IR. SHAHARUDDIN BIN ISMAIL [KANGAR] minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan apakah langkah serta usaha yang diambil oleh pihak Kementerian dalam membendung daripada berlakunya pencemaran sungai antaranya Sungai Jernih serta Sungai Chuping dan apakah persediaan Kementerian bagi mengelakkan masalah pencemaran dapat diselesaikan dalam masa yang terdekat.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah dan masih meneruskan usaha bagi mengawal pencemaran sungai khususnya bagi punca-punca seperti pelepasan industri, loji-loji kumbahan, serta projek pembangunan yang tertakluk di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS 1974). Antara punca-punca lain yang boleh menyumbang kepada pencemaran sungai adalah pelepasan daripada pusat penyediaan makanan, aktiviti perladangan, aktiviti penternakan dan juga projek pembangunan yang dikawal oleh pelbagai agensi.

Antara usaha dan persediaan yang diambil oleh JAS bagi mencegah dan mengawal pencemaran yang boleh menjejaskan kualiti air sungai adalah:

- (a) Melaksanakan penguatkuasaan terhadap aktiviti industri secara pematuhan sendiri (*self regulation*) oleh industri;
- (b) Menjalankan penguatkuasaan secara menyeluruh (termasuk pemeriksaan / siasatan ke premis - '*command and control*') terhadap pengoperasian premis-premis dan juga projek pembangunan yang tertakluk di bawah AKAS 1974;
- (c) Melaksanakan pemantauan secara *desktop enforcement* melalui sistem pemantauan jarak jauh menerusi sistem telemetri, sistem pemantauan pelepasan bulanan (*Monthly Discharge Monitoring*

System) yang diwajibkan ke atas industri yang menghasilkan efluen supaya semua punca-punca tersebut mematuhi AKAS 1974 dan Peraturan-peraturan di bawahnya;

- (d) Melaksanakan pemeriksaan susulan bagi menentusahkan pelaporan yang dikemukakan adalah berintegriti dan tepat dengan situasi yang berlaku di lapangan. Tindakan penguatkuasaan seperti amaran bertulis di lapangan (*field citation*), Notis Arahan, tawaran kompaun, penyitaan peralatan, perintah larangan operasi atau tindakan mahkamah akan dikenakan ke atas mana-mana punca yang didapati tidak patuh;
- (e) Menyemak dan membuat pindaan-pindaan kepada peruntukan AKAS 1974 dan peraturan yang berkaitan sebagai penambahbaikan selaras dengan perkembangan semasa teknologi kawalan pencemaran dan kaedah pengurusan alam sekitar yang dinamik dan kompleks;
- (f) Menerbitkan pelbagai dokumen dan garis panduan serta menjalankan aktiviti kesedaran alam sekitar bagi meningkatkan kefahaman pihak-pihak yang berkenaan ke arah pematuhan kepada kehendak perundangan alam sekitar yang berkuatkuasa; dan
- (g) Mempertingkat dan memperkemaskan program-program pemantauan kualiti air yang dilaksanakan oleh Jabatan bagi memenuhi keperluan bagi membuat keputusan.

Selain itu juga, pihak Kementerian turut memperkuat pelaksanaan Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) bersama mana-mana agensi yang berkaitan dalam menangani sesuatu isu pencemaran dengan lebih berkesan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR]
TARIKH : 3 APRIL 2017
SOALAN :**

YB Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta Menteri Kesihatan menyatakan :

- a) jumlah wang yang dijangka dikutip dari pesakit hospital Kerajaan tahun ini berbanding beberapa tahun lepas memandangkan pelbagai bayaran baru yang diperkenalkan.
- b) Sama ada wang yang dikutip ini akan disalurkan semula kepada Kementerian Kesihatan untuk membeli lebih banyak ubatan untuk pesakit

Tuan Yang di-Pertua,

Pengemaskinian Perintah Fi (Perubatan) 1982 melibatkan kenaikan wad, rawatan dan siasatan bagi Kelas 1 dan kenaikan caj bagi wad kelas 2. Sehubungan itu, anggaran hasil yang akan dikutip melalui kenaikan caj tersebut adalah RM27.4juta bagi kenaikan wad, rawatan dan siasatan bagi Kelas 1 dan RM2.24juta bagi kenaikan caj wad

sebanyak 25% menjadikan jumlah anggaran hasil sebanyak RM29.6juta.

Walau bagaimanapun, kutipan hasil melibatkan caj pesakit pada tahun 2017 juga dijangka lebih rendah daripada nilai jangkaan tersebut kerana pengemaskinian Perintah Fi (Perubatan) 1982 di 17 buah hospital yang mempunyai kelas 1 dan kelas 2 telah ditangguhkan pelaksanaannya sehingga fasiliti di hospital tersebut dinaiktaraf.

Hasil yang diterima oleh Kerajaan Persekutuan termasuk hasil yang dikutip oleh Kementerian Kesihatan dan akan dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan.

Dana daripada Kumpulan Wang Disatukan sebahagian besarnya akan digunakan untuk membiayai keseluruhan Perbelanjaan Mengurus termasuk emolumen, hutang, subsidi, penyelenggaraan aset Kerajaan dan pembelian ubat-ubatan. Manakala lebihan dana daripada Kumpulan Wang Disatukan (sekiranya ada) akan digunakan juga untuk menampung sebahagian daripada Perbelanjaan Pembangunan seperti pembinaan hospital, sekolah, jalan raya dan penyediaan bekalan air bersih di setiap negeri. Semua perbelanjaan tersebut dapat memberi manfaat dan faedah kepada rakyat di seluruh negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TAN SRI DATUK SERI PANGLIMA HAJI
ANNUAR BIN MUSA (KETEREH)
TARIKH : 03.04.2017 (ISNIN)
NO. SOALAN : 15

SOALAN:

Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar Bin Musa [Ketereh] minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan kesediaan Kementerian bagi mewujudkan permit import (AP) khas kepada produk yang mempunyai unsur tidak halal seperti babi dan sebagainya dan apakah kekangan bagi melaksanakannya.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

Pada masa ini, Kerajaan tidak mengenakan permit import khas kepada produk yang mempunyai unsur tidak halal seperti babi dan sebagainya. Sebelum memperkenalkan sesuatu AP, satu kajian impak perlu dijalankan bagi mengkaji sebarang implikasi berkaitan diambil kira terlebih dahulu. Kajian lebih lanjut perlu dilakukan dengan kerjasama pihak berkaitan seperti JAKIM dan kementerian-kementerian lain untuk meneliti parameter

yang diperlukan bagi mewujudkan Lesen Import (AP) khas memandangkan terdapat garis panduan sedia ada telah diguna pakai bagi memantau produk makanan yang mengandungi unsur-unsur tidak halal.

Selain itu, negara ini telah memiliki set undang-undang dan peraturan-peraturan yang mencukupi dalam mengawal selia produk halal. Namun demikian, penambahbaikan kepada aspek pengurusan, urus tadbir dan penguatkuasaan perlu dilakukan dari masa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN MANIVANNAN A/L GOWINDASAMY

TARIKH : 3.4.2017

SOALAN : NO. 16

Tuan Manivannan A/L Gowindasamy [Kapar] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan sama ada Kerajaan Persekutuan berhasrat untuk memperketatkan syarat kemasukan kursus perubatan dalam institut pengajian tinggi, seperti yang dicadangkan oleh Majlis Perubatan Malaysia (MMC). Apakah kriteria yang digunapakai oleh Kerajaan Pusat untuk seseorang pelajar berjaya mendapat tawaran untuk melanjutkan pendidikan dalam bidang perubatan di universiti tempatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengambilan pelajar baharu ke Universiti Awam (UA) adalah mengguna pakai prinsip meritokrasi iaitu 90 peratus markah akademik dan 10 peratus markah ko-kurikulum. Semua calon yang layak dengan markah merit tertinggi dan memenuhi Syarat Am Universiti, Syarat Khas Program Pengajian serta memenuhi kriteria kemasukan yang telah ditetapkan oleh Senat Universiti tidak dinafikan peluang untuk mengikuti pengajian di UA.

Kejayaan calon untuk memperoleh tempat bergantung kepada susunan merit dan pemilihan program pengajian di UA yang dipohon serta bilangan tempat yang disediakan oleh UA.

Proses temuduga turut dilaksanakan di UA bagi program pengajian yang

memerlukan kompetensi tertentu dan bagi memastikan mereka mendapat calon yang benar-benar berkelayakan dan memenuhi kehendak dan keperluan program pengajian berkaitan. Antaranya bidang perubatan, pendidikan, farmasi, kimia, bakat dan sukan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, syarat kemasukan minimum ke program perubatan adalah mendapat sekurang-kurangnya 5B dalam mata pelajaran Biologi, Kimia, Fizik, Matematik atau Matematik Tambahan dan satu mata pelajaran lain di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) serta mendapat gred BBB atau ABC atau AAC dalam mata pelajaran Biologi, Kimia dan Fizik atau Matematik di peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM). Pelajar yang mengikuti program matrikulasi pula perlu memperoleh PNGK 3.0 dalam subjek berkenaan. Syarat-syarat minimum bagi kelayakan lain adalah seperti yang ditetapkan oleh Majlis Perubatan Malaysia.

Syarat minimum ini merupakan satu penetapan yang perlu dipatuhi oleh semua Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) yang menawarkan program perubatan. Namun IPT dibenarkan untuk menetapkan syarat kemasukan yang lebih ketat. Sebagai contoh, Universiti Malaya (UM) menetapkan pelajar yang memohon perlu mendapat sekurang-kurangnya 5A- dalam mata pelajaran Biologi, Kimia, Fizik, Matematik atau Matematik Tambahan dan Bahasa Inggeris di peringkat SPM serta mendapat A dalam mata pelajaran Biologi, Kimia dan Fizik atau Matematik di peringkat STPM. Pelajar juga perlu hadir dan lulus ujian dan sesi temuduga yang dikendalikan oleh UM sebelum ditawarkan tempat ke program ini.

NO. SOALAN: 17

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO IR. NAWAWI BIN AHMAD

TARIKH : 3 APRIL 2017

RUJUKAN : 9692

SOALAN:

Dato' Ir. Nawawi Bin Ahmad [Langkawi] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sejauh manakah keberkesanan sistem pendaftaran tunggal dalam talian pekerja asing yang diperkenalkan bagi membantu menangani masalah pemerdagangan manusia dan penganiayaan terhadap pekerja asing.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Antara sistem yang sedang dan telah dibangunkan bagi merealisasikan sistem pendaftaran tunggal ini adalah Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) dan Sistem Pengurusan Pekerja Asing (SPPA). Sistem ini boleh diakses secara atas talian melalui laman sesawang agensi kerajaan. Sistem ini memudahkan majikan untuk memohon pekerja asing secara terus dan mengelakkan penglibatan orang tengah.

Sistem pendaftaran tunggal juga menggalakkan perkongsian maklumat yang lebih berkesan antara agensi-agensi kerajaan yang terlibat dalam pengurusan pekerja asing. Perkongsian maklumat yang lebih efektif akan memudahkan saringan dan pengesanan majikan yang menggajikan pekerja asing dan pemantauan daripada aspek kepatuhan penggajian dan akta perburuhan serta penguatkuasaan bagi memastikan masalah pemerdagangan manusia dan penganiayaan terhadap pekerja asing dapat ditangani.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN

TARIKH : 3 APRIL 2017 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Takiyuddin Bin Hassan [Kota Bharu] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- (a) berapakah kadar pertumbuhan kependudukan Malaysia dalam tempoh 30 tahun kebelakangan ini; dan

(b) adakah Dasar Kependudukan Malaysia Ke Arah 70 Juta penduduk masih diteruskan oleh Kerajaan Malaysia.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Di-Pertua,

Dalam tempoh tiga dekad penduduk Malaysia telah bertambah dari segi bilangan tetapi menurun dari segi pertumbuhan penduduknya. Pada tahun 1980 penduduk Malaysia adalah berjumlah 13.7 juta. Jumlah tersebut meningkat kepada 18.4 juta pada tahun 1991, 23.3 juta pada tahun 2000 dan terus meningkat kepada 28.6 juta pada tahun 2010. **Purata kadar pertumbuhan penduduk tahunan bagi tempoh 1980-1991 dan 1991-2000 adalah 2.6 peratus.** Walau bagaimanapun purata kadar pertumbuhan penduduk menurun kepada **2.0 peratus bagi tempoh 2000-2010.** Penduduk Malaysia pada tahun 2010 yang berjumlah 28.6 juta diunjurkan meningkat kepada 33.7 juta pada tahun 2020 dengan kadar pertumbuhan menurun kepada 1.4 peratus.

Tuan Yang Di-Pertua,

Pada tahun 1984, Dasar 70 Juta Penduduk telah diperkenalkan. Dasar ini menyatakan bahawa Malaysia mampu menampung sejumlah penduduk yang lebih besar bagi memperluaskan pasaran dan pengeluaran domestik dan 70 juta penduduk adalah satu angka unjuran jangka panjang yang dianggap ideal yang boleh dicapai oleh negara dalam tempoh 115 tahun iaitu pada tahun 2100.

Pada tahun 1992, LPPKN telah menjalankan Kajian Pelan Strategik Bagi Pelaksanaan Dasar Kependudukan Negara yang bertujuan untuk menilai prestasi pencapaian Dasar 70 Juta Penduduk. Ringkasnya, kajian ini mendapati bahawa kadar kesuburan jumlah telah menurun dengan lebih cepat daripada apa yang dijangka dan angka 70 juta penduduk tidak mungkin tercapai. Kajian Pelan Strategik Kependudukan Kedua pada tahun 2009 mendapati kadar kesuburan jumlah telah menurun dengan cepat dan dijangkakan berada di paras penggantian pada tahun 2015. **Paras penggantian adalah apabila kadar kesuburan mencecah 2.1 di mana bilangan anak yang dilahirkan**

hanya cukup untuk menggantikan ibu bapanya sahaja. Data terkini oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2014 menunjukkan kadar kesuburan jumlah telah pun mencecah ke paras penggantian apabila terus menurun ke paras 2.0 orang anak bagi setiap wanita.

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman, Kementerian melalui LPPKN kini sedang menjalankan **Kajian Semula Dasar Kependudukan Negara: Pelan Tindakan Kependudukan ke Arah Pembangunan Lestari 2030.** Tujuan utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti isu-isu semasa berkaitan kependudukan dan membangunkan hala tuju kependudukan yang strategik dalam usaha negara mencapai matlamat pembangunan lestari (sustainable development) menjelang tahun 2030 seiring dengan Post 2015 United Nations Development Agenda yang bertemakan **Transforming Our World: The 2030 Agenda for Sustainable Development.**

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Datuk Rozman Bin Isli [Labuan]

TARIKH : 3 April 2017 (Isnin)

**SOALAN : Datuk Rozman Bin Isli [Labuan]
minta MENTERI PERTANIAN DAN
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan
adakah Kementerian menyediakan
sebarang skim atau bantuan supaya
dapat memperhebatkan lagi
penternakan madu kelulut yang
mempunyai permintaan tinggi di
peringkat antarabangsa serta
bagaimanakah Kementerian dapat
memastikan hasil madu kelulut dapat
dijadikan sebagai "superfood" Malaysia.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui Jabatan Pertanian (DOA) menyediakan insentif pada kadar maksima RM10,000 / petani pada tahun 2013 dan ianya telah dinaikkan kepada RM50,000 / petani pada tahun 2016 yang merangkumi skop perolehan baka dan keperluan pemeliharaan lebah dan kelulut. Seramai 116 orang usahawan dan 2 buah pusat pengumpulan masing-masing di Johor dan Pahang telah dibangunkan dengan peruntukan pembangunan sebanyak RM1,000,000 pada tahun 2016. Sehingga kini, DOA telah melahirkan seramai 402 orang penternak lebah kelulut dengan 40,318 buah koloni.

Kementerian ini melalui DOA turut menyediakan latihan penternakan lebah madu dan kelulut, khidmat nasihat teknikal, kemudahan pusat pengumpulan di seluruh negara dan memberi galakan kepada golongan belia yang menceburi bidang penternakan lebah kelulut melalui bantuan seperti berikut:

- i. Projek Permulaan: Geran berbentuk barangan (*In Kind Contribution*) bagi projek baru atau telah menjalankan projek kurang dari tempoh setahun atau masih belum mencapai sasaran pengeluaran optimum.
- ii. Projek Pengembangan: Pakej Khas Pembiayaan bagi pengembangan projek pertanian sedia ada daripada agensi pembiaya seperti berikut:
 - a) Agrobank-RM50,000 sehingga RM200,000 bagi setiap projek.
 - b) TEKUN Nasional- Sehingga RM50,000 bagi setiap projek.

Sehingga tahun 2016, jumlah penerima bantuan geran IKC dan pakej pembiayaan adalah seramai 30 orang dengan geran IKC berjumlah RM426,700 dan pakej pembiayaan berjumlah RM150,000.

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan DOA bersama Jabatan Standard Malaysia serta SIRIM sedang bekerjasama bagi membangunkan piawaian madu kelulut. Pembangunan piawaian madu kelulut ini dijangka boleh digunapakai pada Jun 2017 di samping pembangunan Amalan Pertanian Baik (MyGAP) – Pemeliharaan Lebah dan Kelulut yang telah selesai proses komen umum juga sedia digunapakai pada pertengahan tahun ini.

Istilah *superfood* digunakan untuk jenis makanan yang memiliki nutrien yang sangat tinggi dan berkhasiat untuk kesihatan. Sebahagian sifat-sifat madu kelulut yang telah dikenalpasti adalah seperti antioksidan, antiradang dan antikanser. Madu kelulut terbukti melalui kajian makmal mengandungi lebih daripada 3 kali ganda antioksidan berbanding madu-madu jenis lain seperti madu lebah tualang, madu manuka atau madu yaman.

Antara usaha-usaha untuk memastikan kualiti madu kelulut terjamin ialah:

- i) Menyediakan SOP dan mensyaratkan agar setiap projek/ladang penternakan kelulut memiliki persijilan yang berkaitan seperti Amalan Pertanian Baik (MyGAP) untuk pemprosesan dan penternakan kelulut dan lebah ; dan
- ii) Mempertingkatkan aktiviti pemantauan, kawalan dan pengauditan dengan kerjasama jabatan yang berkaitan terhadap projek/ladang pengeluaran madu kelulut agar mematuhi garis panduan penternakan dan jaminan ketulenan madu kelulut yang dikeluarkan.

NO SOALAN : 20

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA MOHAMAD
IMRAN BIN ABD HAMID (B)
(LUMUT)**

**TARIKH : 03.04.17
(ISNIN)**

SOALAN:

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan mengapa banyak perjawatan jururawat awam di Hospital Angkatan Tentera Pengkalan TLDM tidak diisi sehingga menjejaskan operasi wad wanita, kanak-kanak dan ICU.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Perjawatan bagi jururawat di Hospital Angkatan Tentera Pangkalan TLDM terbahagi kepada dua kategori iaitu jururawat awam dan jururawat tentera. Bagi jururawat awam, sejumlah 94% dari jumlah perjawatan telah diisi manakala bagi jururawat tentera pula, hanya 50% jumlah perjawatan yang diisi buat masa ini. Perkara ini disebabkan oleh kebanyakannya sedang menjalani latihan lanjutan dan Kursus Diploma Kejururawatan dalam perkhidmatan bagi memenuhi keperluan keselamatan pesakit (*patient safety*) dan peningkatan kerjaya.

Penutupan wad-wad tersebut adalah bersifat sementara sahaja bagi proses penstrukturan semula pengoperasian dan demi keselamatan pesakit. Wad-wad tersebut telah kembali beroperasi pada 18 Februari 2017. Terdapat empat wad yang beroperasi iaitu Wad Perubatan Lelaki, Wad Pembedahan Lelaki, Wad Multidisiplin Wanita, Wad Bersalin dan Unit Rawatan Rapi. Sehingga kini, Wad kanak-kanak masih tidak dibuka kerana ketiadaan Pakar Pediatrik sejak dari tahun 2008 lagi.

NO. SOALAN: 21

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 3 APRIL 2017 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta PERDANA MENTERI menyatakan apakah usaha yang dijalankan oleh Kerajaan di dalam memberi penerangan kepada rakyat berkaitan RUU 355 kepada masyarakat umum agar persepsi negatif yang cuba diwujudkan oleh sesetengah pihak dapat ditangkis dan diperbetulkan.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan menyedari tentang kepentingan program-program penerangan dan penjelasan bagi mengelakkan timbulnya salah faham dan kecelaruan maklumat berkaitan isu pindaan Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [Akta 355].

Ingin saya jelaskan disini, bahawa *Akta 355* telah diperkenalkan pada tahun 1965. Ketika itu kadar maksimum hukuman penjara tidak lebih dari 6 bulan atau denda tidak melebihi RM1,000 atau kedua-duanya. Pada tahun 1984, peruntukan mengenai bidang kuasa jenayah mahkamah Syariah tersebut telah dipinda melalui *Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) (Pindaan) 1984*. Menerusi pindaan itu, bidang kuasa jenayah Mahkamah Syariah dalam menjatuhkan sesuatu hukuman telah dinaikkan kepada hukuman penjara selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau denda tidak melebihi lima ribu ringgit atau sebatan tidak melebihi enam kali atau apa-apa gabungan hukuman-hukuman tersebut. Seterusnya, pada tahun 1989 ianya diperluaskan pemakaiannya ke Sabah dan Sarawak.

Cadangan pindaan yang terkini kepada *Akta 355* telah dikemukakan melalui Usul Ahli Persendirian bukan ahli Kerajaan oleh Ahli Parlimen Marang berdasarkan kepada Peraturan 49, Peraturan-Peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat. Oleh itu, Kerajaan tiada halangan terhadap badan bukan Kerajaan membuat program penerangan berhubung cadangan pindaan *Akta 355* tersebut yang bertujuan untuk memberi kefahaman Islam yang tepat termasuk undang-undang jenayah syariah kepada masyarakat umum melalui pelbagai program dan aktiviti seperti penyelidikan, seminar, dialog, bengkel, forum, perundingan, latihan dan penerbitan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN

KAWASAN : BUKIT KATIL

TARIKH : 3.4.2017 (ISNIN)

NO. SOALAN : 22

YB TUAN SHAMSUL ISKANDAR @ YUSRE BIN MOHD AKIN minta **MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI** menyatakan adakah Kerajaan bersedia kehilangan entiti “Nasional” bila mana PROTON bersedia menjual 51 peratus ekuiti kepada pihak “Asing”, iaitu pelabur dari luar negara

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Sejak penubuhan PROTON pada tahun 1983, PROTON telah banyak menyumbang dan memberi manfaat yang besar kepada pembangunan industri automotif di Malaysia. Sepanjang 34 tahun tersebut, PROTON telah melalui beberapa pertukaran hak milik pegangan syarikat yang melibatkan kepentingan saham Kerajaan sehinggalah pada tahun 2012, apabila PROTON menjadi sebuah entiti persendirian yang dimiliki sepenuhnya oleh Kumpulan DRB-HICOM. Sebagai sebuah entiti persendirian, DRB-HICOM bebas melakukan keputusan perniagaannya dan Kerajaan tidak sama sekali campur tangan ke atas keputusan

Pemilihan rakan strategik adalah satu faktor penting untuk mencapai transformasi kejayaan jangka masa panjang. Perkongsian strategik ini dijangka bukan sahaja dapat memberi manfaat kepada PROTON dari segi pengetahuan, teknologi dan pengilangan, malah kepada semua yang terlibat dalam ekosistem industri automotif negara.

Sebarang keputusan yang diambil oleh Kumpulan DRB-HICOM adalah merupakan pertimbangan dan keputusan perniagaan yang telahpun mengambil kira kedudukan daya saing PROTON pada masa sekarang dan juga masa hadapan.

Sepertimana yang digariskan dalam Dasar Automotif Nasional 2014, Kerajaan akan terus memberikan sokongan kepada PROTON bagi memastikan PROTON kekal sebagai kereta nasional Malaysia dan menjadi pemacu utama dalam agenda pembangunan automotif negara.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB TAN SRI WILLIAM MAWAN IKOM**
[SARATOK]
TARIKH : **3 APRIL 2017**
SOALAN :

YB Tan Sri William Mawan Ikom [Saratok] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk meminda Akta Majlis Ahli Parlimen (Keistimewaan dan Kuasa) 1952 (Akta 347) bagi melindungi integriti Parlimen terutama peruntukan hukuman dalam Seksyen 9 Akta 347 memandangkan bahawa pada masa ini institusi Parlimen kerap dihina (contempt) oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

JAWAPAN: **YB. DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID**
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Kerajaan mengambil maklum akan perkara yang dibangkitkan dan akan mempertimbangkan dengan sewajarnya selaras dengan transformasi Parlimen.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' SERI WAN AZIZAH WAN ISMAIL**
[PERMATANG PAUH]

TARIKH : **3 APRIL 2017**

SOALAN : **Dato' Seri Wan Azizah Wan Ismail**
[Permatang Pauh] minta **MENTERI**
LUAR NEGERI menyatakan status terkini
secara terperinci berhubung kehadiran
Tentera Laut China China di Kepulauan
Spratly yang masih menjadi pertikaian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Permatang Pauh di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Secara umumnya, isu Laut China Selatan melibatkan dua aspek:-

Pertama, keperluan memastikan keamanan, keselamatan dan kestabilan serta kebebasan pelayaran dan penerbangan, atau dengan izin, *freedom of navigation and over-flight*.

Kedua, tuntutan bertindih melibatkan beberapa buah negara iaitu Brunei Darussalam, Filipina, Malaysia, Vietnam serta China.

Tuan Yang di-Pertua,

3. **Pendirian Malaysia berhubung isu Laut China Selatan adalah jelas dan konsisten. Semua negara mestilah memastikan keamanan dan kestabilan, dan sebarang tindakan yang boleh menggugat keamanan dan kestabilan, menimbulkan ketegangan, kebimbangan dan kecurigaan serta bersifat provokatif hendaklah dielakkan. Di dalam konteks ini, *non-militarisation, self-restraint* serta mengelakkan penggunaan kekerasan adalah amat kritikal.**

4. Berhubung tuntutan bertindih di Laut China Selatan, Malaysia berpendirian ia hendaklah **diselesaikan secara aman**. Semua tuntutan dan penyelesaiannya melalui rundingan dan sebagainya mestilah berdasarkan undang-undang antarabangsa termasuklah **Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Mengenai Undang-Undang Laut 1982 atau UNCLOS 1982**. Penyelesaian pihak ketiga seperti Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) atau Tribunal Timbangtara merupakan opsiyen yang diberikan oleh undang-undang antarabangsa.

5. **Malaysia, serta negara-negara penuntut ASEAN yang lain tidak mengiktiraf tuntutan China berdasarkan *nine-dash line* kerana ia tidak selaras dengan undang-undang antarabangsa termasuklah UNCLOS 1982.**

6. Malaysia juga berpendirian bahawa **tidak wujud sebarang tuntutan bertindih atau pertikaian wilayah di antara Malaysia dan China di Laut China Selatan.**

7. Malaysia turut berpendirian bahawa semua ciri-ciri geografi atau dengan izin *maritime features* yang terdapat di dalam kawasan maritim Malaysia merupakan kepunyaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Bagi memastikan keamanan, kestabilan dan mengelakkan ketegangan di Laut China Selatan, negara-negara ASEAN dan China telah menandatangani **Deklarasi Tatalaku Pihak-pihak Berkepentingan di Laut China Selatan**, atau dengan izin, ***Declaration***

on the Conduct of Parties in the South China Sea (DOC) pada 4 November 2002.

9. Melalui *DOC*, negara-negara ASEAN dan China bertekad untuk melaksanakan usaha-usaha bagi membina dan meningkatkan kesalingpercayaan serta menangani sebarang perbezaan secara aman.

10. Pada masa ini, negara-negara ASEAN dan China sedang berusaha untuk mewujudkan **Kod Tatalaku di Laut China Selatan**, atau dengan izin, ***Code of Conduct in the South China Sea (COC)***.

11. Sayugia saya nyatakan bahawa *DOC* serta *COC* yang sedang diusahakan bukanlah instrumen untuk menyelesaikan tuntutan bertindih di Laut China Selatan.

Tuan Yang di-Pertua,

12. Berhubung dengan kehadiran dan penempatan tentera oleh pihak China, saya ingin maklumkan bahawa kehadiran dan penempatan tentera ini di Laut China Selatan tidak melibatkan kawasan maritim Malaysia. Oleh yang demikian pada hemat saya, ia tidak memberikan kesan secara langsung kepada kepentingan dan keselamatan negara. Walau bagaimanapun, tindakan China berpotensi meningkatkan ketegangan serantau dan mengubah dinamik geopolitik di kawasan Laut China Selatan.

13. Kerajaan sentiasa memberikan perhatian yang khusus kepada isu Laut China Selatan. Di dalam mengendalikan isu Laut China Selatan, Kerajaan menjadikan kepentingan negara sebagai asas utama di dalam

setiap tindakan yang diambil. Segala isu akan diteliti dari segenap aspek dan sebarang tindakan adalah berdasarkan pertimbangan yang komprehensif.

14. Rondaan, pengawasan, pemantauan dan penguatkuasaan sentiasa dilaksanakan bagi memastikan kepentingan dan keselamatan negara di Laut China Selatan sentiasa terpelihara.

15. Saya juga ingin tegaskan bahawa Kerajaan tidak akan sesekali berkompromi di dalam perkara yang boleh menjejaskan keutuhan wilayah dan kepentingan negara.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 25

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NGA KOR MING

TARIKH : 3 APRIL 2017

RUJUKAN : 9691

SOALAN:

Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan setakat 31hb Januari, 2017 berapakah jumlah sebenar bilangan paspot Malaysia yang diluluskan dan berapakah orang disenarai hitam dilarang keluar dari negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sebanyak 180,497 naskhah Pasport Malaysia telah dikeluarkan di Pejabat Pasport, Jabatan Imigresen Malaysia di seluruh Malaysia dari 1 hingga 31 Januari 2017.

Manakala dari tahun 2013 hingga 2016, sejumlah 10,353,032 naskhah Pasport Malaysia telah dikeluarkan dengan purata pengeluaran adalah sebanyak 2,588,258 naskhah setahun.

Dari tahun 2010 hingga 2017 seramai 622,768 orang telah disenaraihitam yang dilarang keluar dari Malaysia. Kes-kes yang disenaraihitam adalah melibatkan Jabatan Insolvensi Malaysia, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Polis DiRaja Malaysia, Jabatan Kastam DiRaja Malaysia, Bank Negara Malaysia dan lain-lain.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

TARIKH : 3 APRIL 2017
[ISNIN]

DARIPADA : YB PUAN RUBIAH BINTI WANG
[KOTA SAMARAHAN]

SOALAN :-

YB PUAN RUBIAH BINTI WANG [KOTA SAMARAHAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pencapaian 9 cabaran Wawasan 2020 dan program *flagship* yang berkaitan dengannya sehingga kini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Wawasan 2020 telah diperkenalkan pada tahun 1991 semasa Rancangan Malaysia Ke-6 (1991-1995) dengan aspirasi menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020 dengan acuan sendiri. Wawasan 2020 menggariskan hala tuju untuk mencapai status negara maju dengan mensasarkan pertumbuhan ekonomi pada kadar 7 peratus setahun sehingga tahun 2020 dengan menggariskan 9 cabaran strategik.

Pelaksanaan Wawasan 2020 terbahagi kepada tiga fasa utama. Dasar dan strategi bagi **fasa pertama** Wawasan 2020 digariskan di dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang Kedua, 1991-2000 (RRJP2) iaitu **Dasar Pembangunan Nasional (DPN)** yang bermatlamat mencapai pembangunan yang lebih seimbang di samping mengekalkan prinsip asas Dasar Ekonomi Baru (DEB). **Fasa Kedua** Wawasan 2020 dilaksanakan di bawah Rangka Rancangan Jangka Panjang Ketiga (RRJP3) iaitu **Dasar Wawasan Negara (DWN)** yang merangkumi tempoh 2001-2010. DWN bertujuan untuk memperkukuhkan daya saing

dan daya tahan serta mewujudkan masyarakat yang saksama bagi memastikan kestabilan dan perpaduan negara.

Pelaksanaan fasa kedua Wawasan 2020 menghadapi cabaran berikutan momentum pertumbuhan ekonomi yang perlahan selepas Krisis Kewangan Asia 1997/98 ditambah lagi dengan Krisis Kewangan Dunia pada tahun 2008/09. Keadaan ini menyebabkan negara terperangkap di kalangan negara berpendapatan pertengahan dan mungkin tidak dapat mencapai sasaran menjadi negara maju menjelang 2020.

Oleh yang demikian, **fasa ketiga** Wawasan 2020 iaitu **Model Baru Ekonomi (MBE)** telah diperkenalkan pada Mac 2010. Matlamat utama MBE ialah meningkatkan kualiti hidup rakyat dengan menekankan kepada tiga dimensi iaitu negara maju berpendapatan tinggi, kemampanan dan keterangkuman yang mengutamakan golongan berpendapatan 40 peratus terendah.

MBE memperkenalkan **Dasar Transformasi Nasional (NTP)** yang merangkumi enam tonggak transformasi negara dengan mengekalkan dan mempertingkatkan perpaduan dalam kepelbagaian di bawah gagasan "1Malaysia: Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan" iaitu

Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Program Transformasi Politik, Program Transformasi Sosial, Program Transformasi Fiskal serta Program Transformasi Luar Bandar. Pelaksanaan strategi MBE telah diperincikan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015) dan Rancangan Malaysia Kesebelas (2016-2020).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Transformasi Kerajaan (GTP) yang dirangka adalah berdasarkan Gagasan 1Malaysia: Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan. GTP menggariskan secara terperinci objektif, keputusan hasil dan tindakan dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan petunjuk utama prestasi (KPI) kementerian ke arah pelaksanaan program pembangunan yang lebih efisien dan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan yang lebih baik.

GTP telah menetapkan sasaran yang bertujuan memperkukuhkan lagi asas sosioekonomi Malaysia. Tujuh Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) telah diberi keutamaan untuk memastikan pelaksanaan komitmen tersebut yang merangkumi:

1. Mempertingkatkan Infrastruktur Asas Luar Bandar
2. Mempertingkatkan Pengangkutan Awam Bandar

3. Mempertingkatkan Taraf Kehidupan Isi Rumah Berpendapatan Rendah
4. Mengurangkan Jenayah
5. Mempertingkatkan Pencapaian Pelajar
6. Menangani Kos Sara Hidup
7. Membanteras Rasuah

Strategi di bawah GTP termasuk memastikan penglibatan (*engagement*) rakyat dalam program yang dirancang, mendapatkan input daripada semua pihak yang berkepentingan dalam merangka dasar dan strategi pembangunan serta mengoptimumkan sumber Kerajaan dengan menggunakan pendekatan inovatif bagi mencapai pembangunan yang lebih inklusif.

GTP juga menggariskan strategi untuk mempertingkatkan kehidupan rakyat Malaysia merentas pelbagai lapisan masyarakat. Kerajaan yakin kerjasama yang wujud antara semua pihak dalam melaksanakan NKRA akan menjadikan Malaysia lebih maju, aman, saksama dan makmur serta membentuk masyarakat yang demokratik selaras dengan Wawasan 2020. GTP juga menyediakan pelan hala tuju dan inisiatif secara mampan dan inklusif bagi memastikan tiada siapa yang

ketinggalan dalam usaha negara ke arah mencapai status berpendapatan tinggi. Ini adalah prinsip yang sangat penting bagi masyarakat majmuk seperti Malaysia yang berbilang kaum, agama dan budaya.

Setelah 6 tahun pelaksanaan GTP, pelbagai hasil kejayaan dan limpahan manfaat dirasai secara keseluruhannya oleh rakyat. GTP telah berjaya menepati sasaran KPI yang telah ditetapkan pada setiap tahun sejak diperkenalkan, hasil usaha penyampaian awam yang meningkat dan produktif.

Dalam kesalinghubungan dunia yang semakin meningkat, ETP telah dilancarkan pada tahun 2011 yang mana penting bagi Malaysia untuk membina ekonomi yang lebih kukuh dan berdaya tahan. Ini dilaksanakan melalui 12 Bidang Ekonomi Utama Negara atau NKEA. ETP adalah program ekonomi yang diukur berdasarkan tiga pencapaian sehingga menjelang tahun 2020, yakni:

Pertamanya, mencapai pendapatan per kapita rakyat sebanyak ASD15,000;

Keduanya, mewujudkan sebanyak 3.3 juta peluang pekerjaan; dan

Ketiganya, memperolehi ASD444 bilion nilai pelaburan menjelang 2020.

Antara penunjuk kejayaan ETP adalah peningkatan pendapatan penduduk luar bandar dan isi rumah berpendapatan rendah, dalam usaha untuk memastikan mereka tidak ketinggalan menikmati pembangunan dan pertumbuhan ekonomi. Berdasarkan laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2014 menunjukkan pendapatan bulanan purata isi rumah B40 telah meningkat pada kadar 12.0% berbanding isi rumah berpendapatan 20 peratus tertinggi (isi rumah T20) yang meningkat sebanyak 7.5% bagi tempoh tahun 2009 hingga 2014.

Sepanjang lima tahun pelaksanaan transformasi ekonomi, sektor swasta telah berkembang dengan menyumbang sebahagian besar daripada nisbah pelaburan. Pada tahun 2015, ia menyumbang 65 peratus daripada jumlah pelaburan di negara ini, dengan bakinya disumbangkan oleh sektor awam. Ini adalah selari dengan aspirasi ETP iaitu sektor swasta menyumbang 92 peratus daripada jumlah pelaburan pada tahun 2020.

Langkah-langkah yang diambil oleh Malaysia antara tahun 2010 dan 2015 untuk menjadi lebih berdaya tahan fiskal telah membuahkan hasil.

Defisit fiskal terus berkurangan mengikut sasaran pada tahun 2015 iaitu 3.2 peratus daripada KDNK berbanding 5.4 peratus pada tahun 2010.

Hasil usaha dan kejayaan serta cabaran GTP dan ETP boleh didapati di dalam laporan tahunan PEMANDU di laman sesawang <http://www.pemandu.gov.my>.

Sekian, terima kasih.

3 April 2017

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERTHORMAT TUAN IGNATIUS DORELL
LEIKING [PENAMPANG]**

TARIKH : 3 APRIL 2017

SOALAN :

YB Tuan Ignatius Dorell Leiking [Penampang] minta PERDANA MENTERI menyatakan secara terperinci apakah projek-projek pembangunan yang diluluskan di kawasan Penampang sejak 2013 hingga ke hari ini dan adakah benar bahawa kawasan Penampang tidak diberi perhatian pembangunan sebab kawasan tersebut diwakili oleh Wakil Rakyat pembangkang.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Bert hormat, semenjak 2013 sehingga 6 Mac 2017, Peruntukan Pembangunan bagi Parlimen Penampang, Sabah yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM 325.60 juta yang melibatkan 42 buah projek.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 28

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATUK RAIME BIN UNGGI
[TENOM]**

TARIKH : 3 APRIL 2017

SOALAN :

YB. DATUK RAIME BIN UNGGI [TENOM] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan asas-asas yang membolehkan Malaysia memberi tumpuan kepada industri eko pelancongan selaras dengan dasar Organisasi Pelancongan Dunia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNWTO).

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Malaysia seperti negara lain telah bersetuju untuk menerima pakai dokumen SDGs (*Sustainable Development Goals*) yang diluluskan di peringkat antarabangsa untuk dilaksanakan di peringkat kebangsaan. SDGs mempunyai 17 matlamat yang merangkumi tema *Planet, People, Prosperity, Peace* dan *Partnership*. Konteks SDGs iaitu *Social, Environment* dan *Economy* mencerminkan dasar Kerajaan sedia ada dalam Dasar Ekonomi Baru dan Rancangan Malaysia Kesebelas.

Industri pelancongan merupakan salah satu sektor ekonomi terbesar di peringkat global dan merupakan industri yang penting dalam pelaksanaan SDGs terutamanya dalam mewujudkan peluang pekerjaan, penggunaan lestari dan pengeluaran (*sustainable consumption and production - SCP*) dan pemeliharaan sumber semula jadi. Ekopelancongan sebagai subsektor kepada industri ini dijangka akan menyumbang kepada pertumbuhan negara yang inklusif dan mampan. Menurut *United Nation World Tourism Organization (UNWTO)*, pelancongan berasaskan ekopelancongan, alam semulajadi, kebudayaan dan warisan serta kembara (*adventure*) dijangka berkembang dengan pesat dalam tempoh dua (2) dekad yang mendatang.

Sehubungan itu, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan telah mengambil inisiatif untuk mengkaji semula Pelan Ekopelancongan

Kebangsaan 1996 dan membangunkan Pelan Ekopelancongan 2016-2025 yang telah ditambahbaik mengikut keperluan SDGs dan permintaan semasa pasaran (*demand driven*). Usaha ini juga adalah selaras dengan falsafah Kementerian ini iaitu “pelancongan melindungi, memelihara dan memulihara alam semulajadi, seni, budaya dan warisan negara”.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI DR. MUHAMMAD LEO
MICHAEL TOYAD ABDULLAH
[MUKAH]**

TARIKH : 3 APRIL 2017 (ISNIN)

SOALAN : 29

Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah [Mukah] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah Kementerian dalam mengatasi masalah "perang harga tambang" dalam kalangan syarikat penerbangan tambang murah tempatan bagi mencapai sasaran faktor muatan dan trafik, agar dapat memberi ruang kepada Malaysia Airlines Berhad (MAB) untuk terus bersaing dengan lebih kompetitif.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (*Malaysian Aviation Commission - MAVCOM*) telah ditubuhkan pada 1 Mac 2016 dengan fungsi utama sebagai pengawal selia aspek ekonomi sektor penerbangan awam. Berdasarkan kepada Seksyen 17 Akta Suruhanjaya Penerbangan Malaysia 2015 (Akta 771), salah satu fungsi MAVCOM adalah untuk menggalakkan persaingan yang berkesan dalam industri penerbangan awam dengan menyediakan suatu persekitaran ekonomi yang membolehkan syarikat penerbangan Malaysia mengekalkan keupayaan mereka untuk bersaing dengan berkesan dalam pasaran penerbangan awam melalui cara yang menguntungkan, cekap, adil dan mampan.

Dalam hubungan ini, MAVCOM secara amnya tidak menetapkan sebarang peraturan berhubung penetapan harga tambang penerbangan dan membenarkan syarikat-syarikat penerbangan untuk menetapkan harga tambang berdasarkan keputusan komersial mereka masing-masing. Sungguhpun begitu, MAVCOM mempunyai kuasa untuk mengawalselia perkara yang berkaitan dengan persaingan di kalangan syarikat penerbangan.

Buat masa ini, diperhatikan bahawa tiada sebarang permasalahan yang berkaitan dengan “perang harga tambang” di kalangan syarikat penerbangan tambang murah tempatan. Untuk makluman Yang Berhormat jua, penetapan tambang domestik oleh syarikat-syarikat

penerbangan negara adalah berdasarkan kepada rasionalisasi sektor perkhidmatan udara domestik pada tahun 2006. Dalam hal ini, Kerajaan memutuskan bahawa syarikat-syarikat penerbangan negara yang menyediakan perkhidmatan udara domestik diberikan kebebasan dalam menentukan liputan rangkaian (*network coverage*), kekerapan penerbangan dan kadar tambang yang ingin ditawarkan berdasarkan permintaan pasaran.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH
BINTI SALLEH [KUANTAN]**

TARIKH : 3 APRIL 2017 (ISNIN)

SOALAN : 30

**Puan Hajah Fuziah Binti Salleh [Kuantan] minta PERDANA
MENTERI menyatakan :-**

(a) jumlah pembelian Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) yang juga memohon skim pembiayaan akhir mengikut pakej pinjaman pada tahun permulaan projek sehingga kini mengikut pendapatan pemohon. ; dan

(b) jumlah pemohon khusus dari kawasan Parlimen Kuantan

JAWAPAN: YB DATO' SERI SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat setakat ini, sebanyak 64,235 unit kediaman PR1MA telah dibuka untuk permohonan di seluruh negara. Setelah itu, projek-projek tersebut akan menjalani proses undian terbuka. Sehingga kini sebanyak 25,968 unit telah selesai proses undian. Pembeli berjaya diundi bertanggungjawab untuk mendapatkan sendiri pembiayaan kewangan daripada pihak bank. Pada masa ini, sebanyak 6,277 pembeli telah pun selesai menandatangani Perjanjian Jual Beli (*Sales and Purchase Agreement - SPA*). Manakala 8,747 unit kediaman yang lain telah ditempah dan masih berada dalam proses kelulusan pinjaman oleh pihak bank. Setelah selesai proses tersebut, barulah pembeli akan menandatangani SPA.

Secara keseluruhannya, pada masa ini Sistem Pendaftaran Nasional PR1MA telah menerima 1.4 juta permohonan di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 106,905 permohonan diterima dari Negeri Pahang. Insyallah PR1MA menjangkakan jumlah ini akan meningkat dari semasa ke semasa apabila lebih banyak kediaman PR1MA dilancarkan kelak.

Sekian. Terima kasih.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. TUAN CHONG CHIENG JEN
KAWASAN : BANDAR KUCHING
TARIKH : 03 APRIL 2017, ISNIN

SOALAN:

YB. TUAN CHONG CHIENG JEN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan dengan terperinci berkenaan harga kontrak bagi setiap pakej dalam projek penaiktarafan 'Pan Borneo Highway' di negeri Sarawak. Apakah jangka masa pelengkapan dan status kemajuan semasa (sehingga 1 Mac 2017) bagi setiap pakej tersebut.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan projek fasa pertama Lebuhraya Pan Borneo di negeri tersebut (Telok Melano ke Miri) berjalan lancar sebagaimana yang dirancang. Sehingga kini kesemua 12 pakej terlibat (termasuk 1 projek 'kick-off') telah diawad di mana fasa pembinaan sedang dan akan dilaksanakan mengikut jadual setiap pakej terlibat. Keseluruhan jajaran fasa 1 ini dijangka akan disiapkan menjelang akhir tahun 2021. Maklumat berkaitan kontrak dan status kemajuan semasa bagi setiap pakej Lebuhraya Pan Borneo di Sarawak ialah seperti jadual berikut:

PAKEJ	JAJARAN	KONTRAKTOR	HARGA KONTRAK (RM JUTA)	STATUS % KEMAJUAN SEMASA
Projek Kick-Off	Projek 'Kick Off' Nyabau ke Bakun (43km)	Lebuhraya Borneo Utara Sdn. Bhd.	640	18.13
1	Telok Melano ke Sematan (33km)	Samling Resources Sdn Bhd	580	17.71
3	Bulatan Serian ke Persimpangan Pantu (75km)	Zecon-Kimlun Consortium JV	1,385	2.60
7	Persimpangan Bintangor ke Persimpangan Julau (76km)	Hock Seng Lee – Dhaya Maju Infrastructure Asia JV	1,635	2.44
2	Sematan ke Jambatan Sungai Moyan + KSR Interchanges (Batu 4 1/2, Batu 6, Batu 7 dan Batu 10) (95km)	Samling Resources Sdn. Bhd.	2,112	1.29
9	Jambatan Sungai Arip ke Persimpangan Bintulu Airport (65km)	KKB Engineering-WCT Berhad JV	1,289	0.47
4	Persimpangan Pantu ke Batang Skrang (89km)	Naim Engineering Sdn. Bhd.-Gamuda Berhad JV	1,567	0.50
10	Mile 5 - Nyabau Flyover + Persimpangan Bakun ke Sungai Tangap (77km)	Pekerjaan Piasau Konkerit Sdn. Bhd.	1,725	0.23
6	Jambatan Sungai Awik ke Persimpangan Bintangor (64km)	PPES Works (Sarawak) Sdn. Bhd.-Bina Puri Holding Bhd. JV	1,358	0.10
8	Jambatan Sungai Kua ke Jambatan Sungai Arip (63km)	Musyati Sdn. Bhd.-Mudajaya Group Bhd. JV	1,325	0.36
11	Sungai Tangap ke Jalan Pujut Link (80km)	KACC Construction Sdn. Bhd.-IJM-Perbena Emas JV	1,825	0.03
5	Batang Skrang ke Sungai Awik (68km)	Endaya Construction S/B-Trans Resources-Pembinaan Kuantiti JV	1,310	0.03

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 32

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN N SURENDRAN A/L K NAGARAJAN

TARIKH : 3 APRIL 2017

RUJUKAN : 9694

SOALAN:

Tuan N Surendran A/L K Nagarajan [Padang Serai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk memansuhkan hukuman rotan di Malaysia bagi kesalahan-kesalahan Imigresen.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155) merupakan sumber perundangan utama dan penting dalam menangani kesalahan-kesalahan imigresen terutamanya dalam mencegah masalah kemasukan pendatang asing tanpa izin (PATI) ke dalam negara yang merupakan isu utama berhubung dengan ketenteraman awam dan keselamatan dalam negeri.

Sebagai contoh, pindaan yang dibuat melalui Akta Imigresen (Pindaan) 2002 (Akta A1154) antaranya meminda Seksyen 6 Akta 155 dengan mengenakan hukuman sebat bagi kesalahan memasuki negara ini secara tidak sah walaupun buat kali pertama. Pindaan yang diluluskan pada 8 April 2002 di Dewan Rakyat bertujuan untuk memastikan supaya kehadiran warganegara asing tidak mengancam keselamatan negara, ketenteraman awam dan keharmonian rakyat Malaysia.

Justeru itu, apa-apa cadangan pemansuhan terhadap hukuman tersebut memerlukan kajian yang teliti dan keputusan dasar oleh pihak Kerajaan.

SOALAN (33)

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 3 APRIL 2017 [ISNIN]

**DARIPADA : YB DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]**

SOALAN :

YB DATUK BUNG MOKTAR BIN RADIN [KINABATANGAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tentang pelan pembangunan masa hadapan negara khususnya di daerah Kinabatangan bersesuaian dengan kawasan terbesar penanaman kelapa sawit dan status terpencil di luar bandar.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) yang bertemakan "Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat". Ini merupakan komitmen utama Kerajaan. Projek yang diberi tumpuan utama dalam RMK11 adalah inklusif dan berteraskan rakyat seperti kemudahan kesihatan, pendidikan, pertanian dan infrastruktur asas seperti jalan. Selain meningkatkan kualiti hidup rakyat, ia memberi kesan berganda kepada pembangunan ekonomi

Selaras dengan komitmen tersebut, Parlimen Kinabatangan juga tidak terkecuali daripada menerima manfaat daripada pelan pembangunan negara lima tahun berkenaan. Bagi tahun 2017, peruntukan sebanyak RM88 juta disediakan bagi Parlimen Kinabatangan bagi melaksana dan menyiapkan 19 projek pembangunan. Tumpuan pembangunan di kawasan Parlimen ini dalam tahun 2017 adalah peningkatan akses perhubungan melalui 5 jalan luar bandar (RM46 juta) dan projek Pembinaan Jalan Raya Tongod-Pinangah sebanyak RM15 juta di bawah pembangunan koridor.

Bagi aspek kesihatan, sebuah klinik kesihatan baharu akan dibina di Daerah Tongod, Parlimen Kinabatangan. Pendidikan yang berkualiti disediakan melalui pembinaan 2 sekolah menengah dan satu sekolah rendah di Daerah Telupid dan Tongod. Selain itu, sebanyak RM2 juta disediakan bagi menyiapkan projek Pembinaan Pusat Kemajuan Peladang Tongod, Sabah bagi meningkatkan perkhidmatan sektor pertanian di Parlimen Kinabatangan kelak.

Sekian, terima kasih.

3 April 2017

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Datuk Haji Mohd Fasih Bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam]

TARIKH : 3 April 2017 (Isnin)

SOALAN : Datuk Haji Mohd Fasih Bin Mohd Fakeh [Sabak Bernam] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan langkah Kerajaan bagi memperkasakan sektor Agromakanan supaya menjadi penyumbang utama ekonomi negara dan berkembang seiring dengan pembangunan negara termasuk menjamin bekalan makanan yang mencukupi dan selamat.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman ahli-ahli Yang Berhormat, berdasarkan kajian Indeks Jaminan Bekalan Makanan Global tahun 2016 (*The Global Food Security Index – GFSI*) yang dijalankan oleh *The Economist Intelligence Unit*, Malaysia telah diletakkan di tangga ke-35 daripada 113 buah negara. Jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN lain dalam senarai GFSI, kedudukan Malaysia adalah di tangga ke-35, iaitu di bawah Singapura yang berada pada kedudukan ke-3, tetapi mendahului kedudukan negara Thailand (ke-51), Vietnam (ke-57), Indonesia (ke-71), Filipina (ke-74), Myanmar (ke-80), Cambodia (ke-89) dan Laos (ke -103).

Jaminan bekalan makanan atau *food security* sesebuah negara akan tercapai apabila 4 komponen berikut dipenuhi:

- (i) ketersediaan (*availability*) bekalan makanan bagi memenuhi permintaan. Penawaran bekalan boleh dicapai sama ada melalui pengeluaran dalam negara, import dan simpanan stok;
- (ii) akses (*accessibility*) iaitu capaian fizikal terhadap bekalan makanan dan kemampuan untuk memperolehnya (*affordability*);
- (iii) keselamatan dan khasiat (*safety and nutrition*) di mana bekalan makanan perlu dipastikan selamat dan berkhasiat; dan
- (iv) kestabilan (*stability*) iaitu bekalan makanan boleh diperolehi pada setiap masa

Dalam hubungan ini, bagi mengukuhkan jaminan bekalan makanan negara, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) terus meningkatkan pengeluaran dalam negara bagi menampung bekalan dan meningkatkan SSL melalui:

- (i) pelaksanaan Projek Berimpak Tinggi seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Zon Industri Akuakultur (ZIA), Ladang Kontrak dan Pembangunan Usahawan Asas Tani;
- (ii) pembangunan 4 kawasan pembangunan pertanian bersepadu (IADA) iaitu Pekan dan Rompin di Pahang, Batang Lupar di Sarawak dan Kota Belud di Sabah sebagai jelapang padi negara yang baru;
- (iii) mengoptimumkan produktiviti pengeluaran hasil melalui penggunaan benih berhasil tinggi seperti benih padi MR220, CL2 dan MARDI 284, mekanisasi dan automasi; mengurangkan kerugian lepas tuai; serta peningkatan intensiti tanaman; dan
- (iv) menggalakkan penyertaan belia dan usahawan muda dalam bidang pertanian melalui Program Agroprenuer Muda.

Akses terhadap bekalan makanan dengan harga yang berpatutan ditingkatkan melalui pewujudan lebih banyak ruang pasaran langsung seperti Pasar Tani, Pasar Nelayan, MyFarm Outlet dan Agrobazaar Rakyat 1Malaysia. Dalam masa yang sama, tumpuan diberikan supaya hasil pengeluaran dalam negara adalah selamat dan bernutrisi dengan memperluaskan Amalan Pertanian Baik seperti persijilan MYGap, akreditasi halal serta meningkatkan mutu pengredan, pembungkusan dan pelabelan.

Selain memenuhi permintaan melalui pengeluaran dalam negara, Malaysia juga mempunyai stok penimbal beras bagi memastikan bekalan beras yang mencukupi. Stok penimbal beras pada masa ini ditetapkan pada tahap 150,000 tan metrik bagi menampung keperluan maksimum selama 30 hari.

Kekurangan pengeluaran tempatan bagi memenuhi permintaan dalam negara juga ditampung melalui import bagi bahan makanan yang tidak ekonomik untuk dihasilkan dalam negara seperti buah-buahan dan sayur-sayuran *temperate*, gandum, gula dan sediaan gula.

Sungguhpun demikian, Kementerian terus melaksanakan strategi bagi memperbaikiimbangan dagangan makanan negara dan supaya tidak terlalu bergantung kepada import melalui:

- i) pelaksanaan projek agromakanan yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi dan potensi eksport yang baik di bawah program Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) iaitu akuakultur, rumpai laut, sarang burung walit, herba, buah-buahan dan sayur-sayuran serta makanan proses premium;
- ii) pembangunan industri tenusu termasuk baka bagi mengurangkan import susu dan hasil tenusu; dan
- iii) pembangunan Industri Jagung Bijirin di kawasan-kawasan pertanian seperti di luar jelapang padi bagi menangani import makanan ternakan.

Pada tahun 2016,imbangan dagangan makanan negara adalah lebih baik di mana defisit telah berjaya dikurangkan kepada negatif RM16.6 bilion berbanding negatif RM18.1 bilion pada tahun 2015.

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJAH NORMALA BINTI ABDUL SAMAD
[PASIR GUDANG]**

TARIKH : 3 APRIL 2017 (ISNIN)

SOALAN :

Dato' Hajah Normala binti Abdul Samad [Pasir Gudang] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapakah jumlah ubat bukan racun (Over-The Counter, OTC) yang telah berdaftar dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bagi pensijilan halal. Memandangkan penggunaan logo halal adalah secara voluntari, apakah tindakan JAKIM bagi menggalakkan pensijilan halal untuk ubat OTC dan adakah JAKIM mempunyai perancangan untuk mewajibkan pensijilan halal bagi ubat OTC.

JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, bahawa permohonan sijil halal adalah bersifat sukarela bagi semua kategori produk termasuk produk farmaseutikal ubat bukan racun. Sehubungan itu, adalah menjadi prosedur permohonan pensijilan halal Malaysia bagi skim farmaseutikal termasuk produk *Over The Counter* (OTC) hendaklah terlebih dahulu memohon dan mendapatkan surat

kelulusan pendaftaran produk daripada Agensi Regulatori Farmasi Negara atau *National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA)*, Kementerian Kesihatan Malaysia berserta nombor pendaftaran MAL No. X. Ianya adalah bagi memastikan produk farmaseutikal tersebut selamat digunakan, berkualiti dan berkesan.

Bagi pengilang tempatan, salah satu keperluan pendaftaran yang utama adalah pensijilan Amalan Pengilangan Baik (APB) atau *Good Manufacturing Practice (GMP)* untuk produk farmaseutikal. Permohonan pendaftaran akan dinilai dari segi kualiti, keselamatan dan keberkesanan oleh NPRA berdasarkan garis panduan dan standard yang berkaitan. Permohonan tersebut akan dibentangkan di dalam Mesyuarat Pihak Berkuasa Kawalan Dadah untuk menentukan samada permohonan produk tersebut diluluskan atau ditolak. Proses pendaftaran bagi produk OTC dengan pihak NPRA adalah secara '*online*' iaitu melalui Sistem Quest3+ melalui laman sesawang www.npra.moh.gov.my.

Berdasarkan rekod Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), sehingga 1 Mac 2017 sebanyak 509 produk farmaseutikal ubat bukan racun *Over The Counter (OTC)* yang telah mendapat Sijil Pengesahan Halal Malaysia (SPHM). Sehubungan itu, Kerajaan sentiasa menggalakkan pihak-pihak pengeluar produk berkenaan untuk mendapatkan sijil halal melalui program kerjasama antara JAKIM, Agensi Regulatori Farmasi Negara atau *National Pharmaceutical Regulatory Agency (NPRA)*, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan pihak industri berkenaan.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN: 36

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL
AZIZ**

TARIKH : 3 APRIL 2017

RUJUKAN : 9695

SOALAN:

**Dato' Mohd Ariff Sabri Bin Abdul Aziz [Raub] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan :-**

- (a) bagaimana seorang yang didapati bersalah seperti Sirul Azhar boleh terlepas keluar negara; dan
- (b) apakah langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membawa balik Sirul Azhar.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua

Bagi menjawab soalan (a), Kerajaan memandang serius akan pesalah yang melarikan diri ke luar negara. Kerajaan akan memperketatkan pemantauan dan meningkatkan kerjasama antara agensi-agensi Kerajaan untuk memastikan pesalah yang telah dijatuhi hukuman tidak membolosi sempadan negara.

Bagi menjawab soalan (b), Kerajaan belum memutuskan permintaan ekstradisi Kpl. Sirul Azhar Umar kepada Kerajaan Australia. Permohonan ekstradisi ini perlu dilihat secara menyeluruh dan menyentuh hubungan dua hala dengan pihak Australia.

Hal ini kerana usaha Kerajaan membawa pulang Sirul untuk menjalani hukuman mati menyentuh isu hak asasi manusia. Mengikut perjanjian ekstradisi, dokumen permohonan ekstradisi perlu dinyatakan hukuman yang akan dikenakan oleh Mahkamah Persekutuan ke atas penjenayah. Walau bagaimanapun, Australia adalah salah satu negara yang tidak menyokong pelaksanaan hukuman mati. Berbeza dengan kebiasaan kes-kes ekstradisi di mana penjenayah buruan kebiasaannya belum dijatuhkan hukuman. Penjenayah buruan diekstradisi untuk menjalani proses keadilan di mahkamah di Malaysia.

Sekiranya Kerajaan berhasrat mengemukakan permohonan ekstradisi dengan negara yang tidak menyokong pelaksanaan hukuman mati, Kerajaan masih lagi mempunyai ruang untuk berunding dengan mengemukakan hukuman selain hukuman mati. Bagi kes Sirul Azhar, Kerajaan tidak mempunyai ruang untuk berunding dengan Kerajaan Australia kerana Mahkamah Persekutuan telah menjatuhkan hukuman mati ke atas Sirul Azhar.

Atas dasar itu, kerajaan masih lagi mengkaji kaedah terbaik untuk menangani isu tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK NOOR EHSANUDDIN BIN MOHD
HARUN NARRASHID [KOTA TINGGI]**

TARIKH : 03.04.2017

SOALAN : 37

Datuk Noor Ehsanuddin Bin Mohd Harun Narrashid [Kota Tinggi] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memperkasakan Unit Integriti dan Pelan Pengurusan Risiko (PPR) bagi mencegah berlakunya kes salah laku di kalangan penjawat awam yang semakin berleluasa daripada berulang kembali.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk Maklumat yang Berhormat, Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus [JITU] Kebangsaan Siri 8 Bilangan 3 Tahun 2016 pada 5 Disember 2016 telah memutuskan supaya Ketua Setiausaha,

Setiausaha Kerajaan Negeri, Ketua Jabatan dan agensi memahami serta melaksanakan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah kerana ianya merupakan kaedah berkesan yang dapat membantu organisasi mengenalpasti risiko rasuah di kementerian, jabatan atau agensi masing-masing.

Tindakan untuk memperkasakan Unit Integriti sedang dalam tindakan dengan mencadangkan penstrukturan semula jawatan Ketua Unit Integriti dan menyediakan surat pekeliling untuk menjelaskan lagi fungsi teras unit integriti. Dalam masa yang sama, Unit Integriti khususnya yang berisiko tinggi dan sederhana adalah dipohon untuk menyediakan Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (*Corruption Risk Management Plan*). Semua Unit Integriti telah diberikan pendedahan bagi tujuan penyediaan pelan ini .

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI [KUDAT]

TARIKH : 3.4.2017

SOALAN :

Datuk Abd Rahim Bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan bilakah Kementerian bercadang untuk membina asrama kepada pelajar SMK Pinggan-Pinggan, Pitas. Pelajar luar bandar yang tinggal dari tempat jauh terpaksa menumpang atau menyewa rumah orang dan ini menimbulkan pelbagai masalah dan bebanan kepada ibu bapa miskin luar bandar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa meneruskan usaha meningkatkan akses pendidikan termasuk kepada masyarakat di luar bandar atau pedalaman. KPM berusaha memastikan kemudahan pendidikan termasuk kemudahan asrama sekolah disediakan mengikut keperluan dengan sempurna dan berkualiti bagi memberi kemudahan pendidikan kepada murid yang tinggal jauh daripada sekolah. KPM menyedari akan keperluan pembinaan asrama untuk SMK Pinggan-Pinggan, Pitas, Sabah. Sehubungan dengan itu, permohonan pembinaan asrama di SMK Pinggan-Pinggan, telah disenaraikan dalam RMKe-11. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan kemampuan kewangan negara.

NO. SOALAN: 39

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR

TARIKH : 3 April 2017

RUJUKAN :

SOALAN:

**Puan Nurul Izzah Binti Anwar [Lembah Pantai] minta MENTERI
PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) jumlah kes buli dan gangguan seksual di sekolah mengikut negeri, jantina dan kaum dari tahun 2013 hingga Januari 2017; dan
- (b) berapakah jumlah kes pendakwaan dibawa ke mahkamah ke atas mangsa buli dan gangguan seksual dari tahun 2013 hingga 2017.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menjawab soalan (a), Kementerian memandang serius dan sentiasa komited dalam menangani kejadian jenayah gangguan seksual di sekolah yang mana ianya bukan sekadar mencalarkan maruah tetapi menyebabkan trauma yang berpanjangan kepada mangsa.

Statistik jenayah gangguan seksual di sekolah dari tahun 2015 hingga Januari 2016 mengikut kontinjen, umur dan bangsa mangsa adalah seperti berikut:-

KONTINJEN	2015	2016
Perlis	1	0
Pulau Pinang	1	0
Perak	0	1
Selangor	5	1
Kuala Lumpur	2	1
Negeri Sembilan	1	2
Kelantan	1	0
Sabah	1	0
Sarawak	1	0
JUMLAH	13	5

*** Statistik bagi tahun 2013, 2014 dan 2017 tiada laporan polis di buat ke atas kes gangguan seksual di sekolah**

PECAHAN UMUR MANGSA

UMUR	2015	2016
11 Tahun ke bawah	0	1
14- 12 tahun	4	1
17-15 tahun	2	1
Atas 18 tahun	7	2
JUMLAH	13	5

PECAHAN JANTINA MANGSA

JANTINA	2015	2016
Lelaki	3	1
Perempuan	10	4
JUMLAH	13	5

PECAHAN BANGSA MANGSA

BANGSA	2015	2016
Melayu	3	3
Cina	4	2
India	5	0
lain-lain	1	0
JUMLAH	13	5

Bagi menjawab soalan (b), statistik keseluruhan kes gangguan seksual termasuk kes gangguan di sekolah yang dibawa ke mahkamah mengikut tahun adalah seperti berikut :

KESALAHAN	GANGGUAN SEKSUAL				
	JK	TDH	J/H	BICARA	DNAA
2014	190	21	6	15	4
2015	306	48	7	41	0
2016	338	19	4	15	2

JK: Jumlah kes

TDH:Tuduh

J/H:JatuhHukum

DNAA : Dilepaskan
dan dibebaskan

NO. SOALAN: 40

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG

TARIKH : 3 APRIL 2017

RUJUKAN : 9696

SOALAN:

Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah rakyat Malaysia yang terlibat dalam aktiviti keganasan di luar negara dan mengapa kewarganegaraan mereka tidak dibatalkan.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Seramai 95 orang warganegara Malaysia telah dikesan dan dikenal pasti terlibat dengan elemen kumpulan pengganas Daesh di Syria dan Iraq dari 2013 hingga 8 Mac 2017. Daripada jumlah tersebut, seramai 8 orang telah kembali dan ditangkap oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM), 30 orang telah mati manakala baki seramai 57 orang lagi masih berada di kawasan bergolak.

Manakala status kewarganegaraan adalah tertakluk kepada Perkara 24, 25 dan 26, Perlembagaan Persekutuan telah diperuntukkan bahawa Kerajaan Persekutuan boleh mengambil tindakan pelucutan warganegara ke atas seseorang warganegara Malaysia. Dalam hal ini, antara sebab-sebab yang membolehkan tindakan pelucutan diambil adalah seperti berikut:

- i. seseorang individu itu telah memperoleh kewarganegaraan mana-mana negara di luar Persekutuan melalui pendaftaran, penaturalisasian atau perbuatan sukarela dan formal yang lain;**
- ii. seseorang individu itu telah menuntut dan menggunakan dengan sukarela di mana-mana negara di luar Persekutuan apa-apa hak yang terdapat untuknya di bawah undang-undang negara itu iaitu**

hak-hak yang diberikan secara khusus kepada warganegara itu. Contohnya penggunaan hak undi dalam mana-mana pemilihan politik di sesuatu tempat di luar Persekutuan, memohon kepada pihak berkuasa sesuatu tempat di luar Persekutuan supaya pasport dikeluarkan atau dibaharui dan menggunakan pasport yang dikeluarkan itu sebagai dokumen perjalanan;

- iii. sekiranya seorang wanita yang pernah mendapatkan kewarganegaraan Malaysia kerana berkahwin dengan lelaki warganegara Malaysia yang kemudiannya telah memperoleh kewarganegaraan mana-mana negara di luar Persekutuan oleh sebab perkahwinan barunya dengan seseorang yang bukan warganegara; atau**

- iv. sekiranya warganegara Malaysia yang menjadi warganegara di bawah Perkara 16A atau Perkara 17 Perlembagaan Persekutuan atau yang menjadi warganegara melalui penaturalisasian didapati telah menunjukkan dirinya melalui perbuatan atau percakapan sebagai tidak taat atau tidak setia kepada Persekutuan dan telah memperoleh kewarganegaraan secara fraud, nyataan palsu atau penyembunyian apa-apa fakta material.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN HEE LOY SIAN
(PETALING JAYA SELATAN)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 03.04.2017

Y.B. TUAN HEE LOY SIAN [PETALING JAYA SELATAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan akibat yang lebih buruk terhadap Proton Holdings Berhad (Proton) selepas kesanggupan kerajaan membenarkan pegangan ekuiti 51 peratus kepada pengusaha otomobil negara asing terutama daripada negara China.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, DRB-HICOM selaku pemegang saham tunggal PROTON kini dalam proses penilaian akhir ke atas bidaan-bidaan yang diterima, bagi memastikan pertimbangan sepenuhnya dan manfaat yang menyeluruh dapat diperolehi oleh

semua pihak yang berkepentingan. Ini termasuk para pemegang saham, pekerja, rangkaian pembekal dan pengedar, serta para pengguna dan rakyat Malaysia amnya.

Kerajaan tidak menjangkakan sebarang kesan buruk akan timbul, malah dari segi produk, usahasama bersama rakan kongsi strategik yang mempunyai operasi pembuatan dan perniagaan di pasaran global boleh meningkatkan keupayaan PROTON dalam menghasilkan pelbagai kenderaan dengan harga yang kompetitif dan berteknologi terkini, sekaligus menawarkan kepada rakyat Malaysia khususnya, serta dunia amnya, satu produk yang berdaya saing dan berkualiti tinggi.

Pengeluaran produk-produk baharu hasil dari perkongsian strategik dijangka akan meningkatkan produktiviti serta kecekapan (efficiency) pengeluaran kilang. Secara keseluruhannya, dengan peningkatan jumlah pengeluaran kenderaan dan komponen tempatan, perkongsian ini akan memberikan skala ekonomi dan model perniagaan yang lebih berdaya maju kepada PROTON, para pembekal dan wakil pengedar di Malaysia.

Pendekatan sebegini adalah sinergi yang biasa dilaksanakan di

antara dua syarikat kenderaan antarabangsa dalam usaha meningkatkan daya saing jenama, teknologi dan kenderaanya kepada para pengguna serta mencapai pertumbuhan perniagaan yang mampan di pasaran tempatan dan serantau. PROTON dan industri automotif tempatan dijangka akan memperolehi banyak manfaat daripada usahasama strategik ini dan dijangka akan menyumbang ke arah pertumbuhan ekonomi Negara secara keseluruhannya

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN LIEW CHIN TONG (KLUANG)
TARIKH : 3 APRIL 2017
SOALAN :

YB Tuan Liew Chin Tong (Kluang) minta MENTERI KESIHATAN menyatakan keputusan Laporan Jawatankuasa Siasatan Bebas mengenai kejadian kebakaran Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru pada 25 Oktober 2016, dan sama ada kerajaan akan mengumumkan laporan penuh untuk makluman rakyat.

Tuan Yang di-Pertua,

Jawatankuasa Siasatan Bebas (JKSB) ditubuhkan sebagai siasatan dalaman Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bertujuan untuk mengenalpasti cadangan penambahbaikan bagi pengurusan kejuruteraan fasiliti serta pengurusan Unit Rawatan Rapi (ICU) disamping mengenal pasti punca kebakaran. Prosiding JKSB Insiden Kebakaran Unit ICU Selatan di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru ini **masih berjalan** dan laporan siasatan masih belum disediakan oleh panel JKSB. Laporan ini dijangka akan disiapkan pada bulan Jun 2017.

Oleh itu, memandangkan ianya adalah merupakan satu siasatan dalaman yang bertujuan untuk penambahbaikan penggunaan fasiliti, maka **KKM belum membuat keputusan sama ada laporan tersebut akan diumumkan sepenuhnya atau sebahagiannya kepada umum, kerana KKM perlu mengambil kira implikasi undang-undang serta liabiliti Kerajaan terhadap pihak ketiga** sekiranya laporan ini diumumkan kepada pihak umum kelak. Meskipun begitu, KKM sentiasa berusaha keras dan memberi jaminan akan terus memastikan kesemua fasiliti dibawah KKM agar selamat untuk manfaat dan kepentingan rakyat.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK TSEN THAU LIN @ LINDA [BATU SAPI]

TARIKH : 3 APRIL 2017

SOALAN : 43

Minta PERDANA MENTERI menyatakan

strategi untuk mengetatkan pengawalan keselamatan di Pantai Timur Sabah yang masih diancam oleh lanun dan penculik dari negara lain.

Tuan Yang Di-pertua,

Antara langkah-langkah yang diusahakan oleh ESSCOM untuk mengetatkan pengawalan keselamatan di Pantai Timur Sabah adalah seperti berikut :

Pertama, pelaksanaan secara mikro perjanjian-perjanjian bilateral dan trilateral serta tertumpu kepada hubungan di antara kerajaan dengan kerajaan. Pasukan keselamatan termasuk ESSCOM menyambut tindakan kerajaan untuk melaksanakan kerjasama hubungan tiga hala yang dikenali sebagai *Trilateral Cooperative Arrangement* (TCA) di antara negara Filipina, Indonesia dengan Malaysia dalam menangani isu-isu keselamatan di persempadanan negara.

Melalui perjanjian tersebut, ketiga-tiga negara bersetuju untuk :

1. perkongsian maklumat serta memperkukuhkan kerjasama perisikan di antara negara;
2. mengadakan rondaan terkoordinasi maritim
3. mengadakan pengawasan udara bersepadu
4. hot pursuit

Kedua, langkah strategik telah diwujudkan di peringkat pasukan keselamatan dan penguatkuasaan. ESSCOM sentiasa komited dengan kawalan keselamatan di sepanjang perairan Pantai Timur Sabah. Selain mengadakan operasi-operasi khas di kawasan darat, ESSCOM telah memperkenalkan "Zon Tanggungjawab" bagi menambahbaik atur gerak semula aset-aset di darat dan laut bagi meningkatkan kawalan keselamatan di kawasan ESSZONE. Selain itu juga, Zon Tanggungjawab ini berperanan untuk meningkatkan tahap keyakinan keselamatan nelayan dan krew-krew kapal kerana pihak keselamatan beroperasi sekitar kawasan mereka menangkap ikan. Ini juga memudahkan mereka untuk mendapatkan pertolongan sekiranya berlaku penculikan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **DR. ONG KIAN MING**
[SERDANG]
TARIKH : **3 APRIL 2017**

SOALAN

Dr. Ong Kian Ming [SERDANG] minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sebab projek "*solar farm*" sebanyak 150MW diberikan kepada Quantum Solar Park walaupun syarikat-syarikat dalam konsortium ini tidak mempunyai pengalaman dalam pemasangan dan penyelenggaraan panel solar.

Ketiga, ESSCOM sentiasa mengemaskini maklumat risikan terkini serta menganalisa corak (pattern) insiden penculikan bagi memudahkan jangkaan (prediction) penculikan pada masa hadapan. Analisa risikan ini juga berperanan sebagai maklumat untuk operasi-operasi gagalkan cubaan penculikan.

Sekian, Terima Kasih.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Quantum Solar Park Malaysia (QSPM) merupakan sebuah konsortium yang menggabungkan 3 buah syarikat tempatan iaitu ItraMAS Technology Sdn. Bhd., MalTechPro Sdn. Bhd. dan CamLite Sdn. Bhd. untuk melaksanakan projek *Large Scale Solar* atau LSS, dengan izin, dengan kapasiti sebanyak 150MW di Semenanjung. Walaupun syarikat-syarikat ini tidak berpengalaman dalam pemasangan dan penyelenggaraan panel solar, syarikat-syarikat tersebut bekerjasama dengan Scatec Solar yang berpengalaman luas dalam projek solar berskala besar dengan jumlah kapasiti terpasang sebanyak 322MW.
2. Selain itu, QSPM mempunyai 35 orang tenaga kerja mahir dalam kerja-kerja pemasangan dan penyelenggaraan panel solar dan kerjasama dengan syarikat antarabangsa tersebut dapat memberi manfaat kepada syarikat tempatan untuk meningkatkan kepakaran dalam teknologi solar.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]

TARIKH : 3.4.2017

SOALAN :

Tuan Zairil Khir Johari [Bukit Bendera] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan status janji pilihan raya lalu untuk melaksanakan projek 1 Murid 1 Peranti.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedang melaksanakan uji rintis model pelaksanaan Skim Pemilikan Komputer Riba di Sekolah. Uji rintis ini dilaksanakan ke atas murid-murid tingkatan lima di Sarawak mulai 1 Julai 2016 dan akan tamat pada 29 Ogos 2019. Pemantauan program ini dibuat sepanjang pelaksanaan untuk mengenal pasti peluang-peluang penambahbaikan yang akan dilaksanakan. Kajian keberkesanan dan kebolehlaksanaan program ini akan dilaksanakan enam (6) bulan sebelum tamat uji rintis.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dapatan uji rintis ini akan digunakan untuk pertimbangan Kerajaan sebelum memperluaskannya (*roll out*) ke negeri-negeri lain.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]**

**TARIKH JAWAPAN : 03 APRIL 2017 (RABU)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN

Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan anggaran kos untuk projek Empangan Tawau. Apakah status projek Empangan Tawau sekarang dan bilakah projek ini dapat dimulakan dan bila akan siap.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Skim Bekalan Air Tawau Fasa III melibatkan kerja-kerja reka bentuk dan Pembinaan Empangan Air dengan kos sebanyak RM470.39 juta. Proses perolehan dijangka selesai pada Jun 2017 dan pembinaan dijangka bermula pada Julai 2017 serta akan siap sepenuhnya pada Oktober 2020. Empangan ini mempunyai dua fungsi iaitu sebagai empangan untuk bekalan air dan tebatan banjir.

Sekian, terima kasih

.....

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DR. HAJI IZANI BIN HUSIN
[PENGKALAN CHEPA]
TARIKH : 3.4.2017 (ISNIN)

Dr. Haji Izani Bin Husin [Pengkalan Chepa] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan apakah status Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 yang dikatakan telah tamat tempoh kuatkuasanya pada 31 Disember 2016.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) (Margin Keuntungan Bersih) 2014 telah tamat kuatkuasanya pada 31 Disember 2016. Bagi menggantikan peraturan ini, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan telah menguatkuasakan Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah Bagi Barangan) 2016 bagi bertindak terhadap aktiviti pencatutan mulai 1 Januari 2017.

Tempoh peralihan selama 3 bulan bermula pada 1 Januari 2017 sehingga 31 Mac 2017 telah diberikan kepada peniaga untuk membuat persediaan pematuhan kepada peraturan ini. Sepanjang tempoh ini, Kementerian melaksanakan program advokasi kepada semua pihak yang terlibat di setiap peringkat perniagaan iaitu pengeluar, pengedar, pemborong dan peruncit untuk memberi penjelasan dan penerangan terhadap pematuhan kepada peraturan ini. Tempoh peralihan ini telah dilanjutkan selama 3 bulan lagi dari 1 April 2017 sehingga 30 Jun 2017.

Peraturan yang dikuatkuasa ini adalah kaedah perundangan yang digunapakai Kementerian bagi memastikan pengambilan keuntungan yang diperolehi oleh peniaga bagi sesuatu barangan adalah munasabah dan terkawal selaras dengan peningkatan kos barangan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY
[BACHOK]**

TARIKH : 3 APRIL 2017 (ISNIN)

SOALAN : 48

Tuan Ahmad Marzuk Bin Shaary [Bachok] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan laporan kajian yang dibuat ke atas perkhidmatan teksi motorsikal Dego Ride. Apakah kerajaan tidak bercadang memajukan perkhidmatan ini bagi membuka lebih banyak peluang pendapatan dan kemudahan kepada golongan B40.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Mengikut statistik tahun 2016, lebih kurang 62 peratus daripada lebih kurang 7,152 jiwa yang terkorban di atas jalan raya adalah melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal. Mengikut analisa yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya (MIROS), risiko pengguna motosikal untuk terlibat dalam kemalangan maut dan kemalangan yang mengakibatkan cedera parah adalah 42.5 kali lebih tinggi daripada bas dan 16 kali lebih tinggi daripada kereta. Justeru, penggunaan Dego Ride akan mengakibatkan lebih ramai pengguna jalan raya terdedah kepada risiko kemalangan maut dan kecederaan parah.

Sehubungan dengan itu, mengambil kira faktor-faktor keselamatan penunggang dan pembonceng motosikal, maka Kementerian Pengangkutan telah memutuskan agar tidak membenarkan Dego Ride beroperasi di jalan raya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 3 APRIL 2017
[ISNIN]**

**DARIPADA : YB TUAN SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU
NAIDU [BATU GAJAH]**

SOALAN :-

YB TUAN SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU NAIDU [BATU GAJAH] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan kewangan PETRONAS. Apakah anggaran pendapatan dan perbelanjaan PETRONAS bagi tahun 2017.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti syarikat-syarikat minyak antarabangsa yang lain, penurunan harga minyak mentah dunia turut memberi kesan langsung kepada PETRONAS. Bagi tempoh kewangan berakhir 30 September 2016, harga minyak mentah antarabangsa "*Dated Brent*" telah menurun sebanyak 33% berbanding dengan tempoh kewangan 9 bulan berakhir 30 September 2015. Berikutan dengan itu, keuntungan selepas cukai Kumpulan PETRONAS tidak termasuk "*impairments*" juga turut menurun sebanyak 19% bagi tempoh yang sama.

Walau bagaimanapun, PETRONAS telah melaksanakan pelbagai langkah proaktif untuk mengurangkan perbelanjaan modal dan operasi melalui "*Project Cactus*" bagi memastikan kedudukan kewangan syarikat terus berdaya tahan dalam menangani kemelut pasaran industri minyak yang tidak menentu. "*Project Cactus*" merupakan inisiatif dalaman PETRONAS yang merangkumi strategi jangka pendek dan jangka panjang bagi meningkatkan kebolehpayaan PETRONAS untuk

menempuh situasi harga minyak yang rendah dan tidak menentu merangkumi aspek kewangan, pelaksanaan projek, modal insan, budaya kerja yang sihat dan juga teknologi. Sejak dilancarkan pada bulan Februari 2016, "*Project Cactus*" berjaya mendorong kepada kecekapan operasi dan membolehkan PETRONAS mengurangkan kos yang boleh dikawal sebanyak 14 peratus.

Bagi tahun 2017, PETRONAS mensasarkan pendapatan syarikat akan seiring dengan perancangan asal berdasarkan unjuran purata harga minyak jenis Brent sebanyak USD45 setong, di samping mengambil kira perbelanjaan modal sebanyak RM60 bilion dan juga kos operasi.

Situasi harga minyak rendah dan tidak menentu adalah dijangka akan terus berada di tahap sedia ada buat sementara waktu berdasarkan lambakan bekalan minyak di pasaran dunia di samping tahap permintaan yang lemah oleh negara-negara pengguna utama.

Sekian, terima kasih.

3 Mac 2017

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]
TARIKH : 3 APRIL 2017
SOALAN :**

YB DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kes Tuberkulosis di Malaysia bagi 3 tahun yang terakhir. Berapakah kes TB yang kebal antibiotik bagi tahun-tahun tersebut dan apa rancangan Kementerian bagi mengatasi masalah kuman TB kebal antibiotik.

Tuan Yang di-Pertua,

Penyakit Tuberkulosis sudah lama wujud di negara kita. Jumlah kes Tibi pada 3 tahun terakhir adalah tahun 2014 (**24,711 kes**); tahun 2015 (**24,220 kes**) dan tahun 2016 (**25,747 kes**). Terdapat peningkatan **1,527 kes (6%)** jumlah kes Tibi pada tahun 2016 berbanding tahun 2015. Peningkatan ini adalah selaras dengan strategi kementerian iaitu melakukan saringan dan pengesanan awal penyakit Tibi dan pesakit akan diberikan rawatan sehingga sembuh dan seterusnya tidak lagi menjadi punca penularan penyakit Tibi di kalangan masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua,

Penyakit Tibi kebal antibiotik atau dikenali juga sebagai *Multi Drug Resistant Tuberculosis (MDR-TB)* berlaku apabila ujian *drug susceptibility testing (DST)* yang dilakukan adalah kebal terhadap ubatan anti-Tibi *Rifampicin* dan *Isoniazid*. Jumlah kes Tibi yang kebal antibiotik adalah tahun 2014 (**104 kes**); tahun 2015 (**101 kes**) dan tahun 2016 (**70 kes**).

Kementerian amat komited didalam tugas memastikan rakyat Malaysia sihat dan terhindar daripada mendapat penyakit Tibi atau MDR-TB. Diantara usaha yang telah di jalankan memastikan pesakit menerima rawatan terbaik melalui kaedah *directly observed treatment (DOT)* dimana setiap pesakit Tibi mempunyai penyelia rawatan terlatih yang akan memastikan pesakit mengambil ubatan anti-Tibi di hadapan penyelia tersebut setiap hari. Ini dapat memastikan pesakit tidak cicir atau terhenti rawatan. Pesakit yang terhenti rawatan mempunyai risiko yang lebih tinggi mendapat *MDR-TB*.

Disamping itu, kementerian telah menyediakan sebanyak 19 buah mesin *rapid molecular test (Gene Xpert)* ke seluruh negeri di Malaysia. Mesin ini berupaya mengesan kes-kes disyakki *resistant* Tibi dalam masa 2 jam berbanding kaedah lain yang mengambil masa 2 hingga 4 minggu.

Umumnya pesakit *MDR-TB* perlu mendapatkan rawatan regim *second-line* anti-Tibi yang mahal selama satu hingga dua tahun. Kementerian akan sentiasa memastikan bahawa bekalan ubatan *second line* bagi

merawat pesakit *MDR-TB* ini sentiasa ada di dalam negara dan pesakit tidak akan terputus bekalan ubatan ini.

Selain daripada itu, bagi memastikan pengurusan kes *MDR-TB* yang cekap dan betul, suatu garis panduan pengurusan kes iaitu *Clinical Practice Guideline (CPG) Management of Drug Resistant Tuberculosis* dan *Drug Resistant Tuberculosis - Information System (DR-TBIS)* surveilan telah mula dibangunkan semenjak tahun lepas (2016) dan pegawai perubatan telah mula di berikan latihan pengurusan kes-kes *MDR-TB* dan surveilan *DR-TBIS* ini di lapangan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan sentiasa meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat Malaysia bagi mencegah dan mengawal penularan penyakit Tibi dan *MDR-TB*. Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LIM KIT SIANG [GELANG PATAH]

TARIKH : 03.04.2017

SOALAN : 51

Tuan Lim Kit Siang [Gelang Patah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) masih cuba mengesan tiga individu berkaitan dengan penyelewengan dana SRC International iaitu Nik Faisal Ariff Kamil, Datuk Suboh Md Yassin dan Low Taek Jho.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, SPRM telah selesai menjalankan siasatan bagi kes ini dan telah mengambil semua rakaman percakapan saksi-saksi terlibat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN MALEK
[KUALA PILAH]

TARIKH : 3 APRIL 2017

SOALAN : Dato' Sri Hasan Bin Malek [Kuala Pilah]
minta **MENTERI LUAR NEGERI**
menyatakan iaitu walaupun Malaysia tidak
lagi menduduki kerusi Ahli Tidak Tetap
Majlis Keselamatan PBB, apakah peranan
yang boleh dimainkan oleh Malaysia untuk
memastikan Israel mematuhi Resolusi 2334
ke arah menghentikan sebarang aktiviti
penempatan haram di Palestin dan
Jerusalem.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kuala Pilah di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Seperti mana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Malaysia sentiasa komited dalam memperjuangkan hak-hak rakyat Palestin untuk menubuhkan sebuah negara yang merdeka dan berdaulat.

3. Resolusi 2334 (2016) yang diluluskan di Majlis Keselamatan PBB mengesahkan bahawa penempatan oleh Israel di wilayah Palestin sejak tahun 1967 adalah haram dan merupakan pelanggaran kepada undang-undang antarabangsa. Resolusi tersebut juga menggesa Israel untuk menghentikan segera dan sepenuhnya semua aktiviti penempatan yang diduduki di wilayah Palestin dan mendesak agar tindak-tanduk Israel dilaporkan oleh Setiausaha Agung PBB kepada Majlis Keselamatan setiap tiga bulan.

4. Walaupun Malaysia tidak lagi menganggotai Majlis Keselamatan PBB, Malaysia akan terus mengambil bahagian dalam debat terbuka berpenggal mengenai situasi di Timur Tengah termasuk Palestin yang diadakan setiap tiga bulan di Majlis Keselamatan PBB dan mesyuarat-mesyuarat yang berkaitan di Perhimpunan Agung PBB bagi menggesa supaya Majlis Keselamatan PBB melaksanakan resolusi tersebut secara menyeluruh dan terang-kum.

5. Malaysia akan menggunakan platform ini untuk mengingatkan dan menggesa Israel supaya mematuhi serta menghormati Resolusi-Resolusi PBB, khususnya Resolusi 2334. Malaysia juga akan terus menyeru agar Majlis Keselamatan memainkan peranan bagi memikul tanggungjawabnya seperti yang termaktub dalam Piagam PBB bagi memastikan Resolusi 2334 dilaksanakan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Malaysia menyokong penyelesaian yang adil dan menyeluruh dengan penubuhan dua negara, Israel dan Palestin yang wujud secara sebelah menyebelah dengan aman berdasarkan kepada sempadan sebelum tahun 1967, dengan Baitulmaqdis (*East Jerusalem*) sebagai ibu negara Palestin.

7. Malaysia juga sentiasa komited untuk menyuarakan sokongannya terhadap negara Palestin di pelbagai forum antarabangsa selain daripada PBB termasuk Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN).

8. Usaha terbaru Malaysia adalah semasa Sesi Tergempar Majlis Menteri-Menteri Luar Negeri OIC di Kuala Lumpur Mengenai Situasi Minoriti Islam Rohingya pada 19 Januari 2017. Malaysia bersama-sama negara-negara anggota OIC telah menerima pakai "Deklarasi Kuala Lumpur Mengenai Palestin dan Al-Quds Al-Sharif" sebagai salah satu dokumen hasil Sesi Tergempar tersebut. Kandungan Deklarasi tersebut mengutuk tindakan Israel yang terus merampas hak dan tanah rakyat Palestin. Di samping itu, Malaysia bersama-sama negara-negara

anggota ASEAN juga telah membuat kenyataan yang sama semasa Malaysia menjadi Pengerusi ASEAN pada tahun 2015.

9. Kegiatan perluasan penempatan haram oleh Israel di Tebing Barat dan Jerusalem memperlihatkan pencabulan berterusan Israel ke atas hak-hak rakyat Palestin dan penghinaan terhadap undang-undang antarabangsa. Aktiviti penempatan haram Israel mampu mengancam penyelesaian dua negara konflik ini.

Tuan Yang di-Pertua,

10. Di samping itu, Malaysia juga secara konsisten mendesak Israel untuk menghentikan aktiviti penempatan haram mereka melalui pertubuhan – pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) Malaysia. Peranan yang dimainkan oleh NGO-NGO ini adalah penting di mana mereka sentiasa mengetengahkan isu penindasan yang dihadapi oleh rakyat Palestin di media.

11. Pendekatan ini dapat menarik perhatian pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti *Human Rights Watch*, *Amnesty International*, *United Nations' Office for the Coordination of Humanitarian Affairs (UN-OCHA)* dan banyak lagi, di mana ia mampu memberi tekanan kepada Israel agar menghentikan kekejaman terhadap Palestin dan pembinaan penempatan haram di Tebing Barat.

12. Sebagai contoh, Misi kemanusiaan *Women's Boat to Gaza (WBG)* pada tahun lalu yang disertai oleh NGO Malaysia dianjurkan untuk memecahkan kepungan dan sekatan ke atas Gaza. Misi ini berjaya memberi isyarat kepada Israel bahawa seluruh dunia sedang

memerhatikan dan mengutuk keras kekejaman mereka terhadap rakyat Palestin.

Sekian, terima kasih.

NO. SOALAN : 53

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN SIVAKUMAR VARATHARAJU
[BATU GAJAH]**

TARIKH : 3 APRIL 2017

SOALAN :

YB. Tuan Sivakumar Varatharaju [Batu Gajah] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan inisiatif-inisiatif Kerajaan untuk mempromosikan Lembah Bujang, Kedah. Berapakah wang yang telah dibelanjakan untuk menaik taraf dan menyediakan infrastruktur serta kemudahan-kemudahan lain untuk pelancong-pelancong yang melawat Lembah Bujang.

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan sedia maklum akan potensi Lembah Bujang sebagai satu produk pelancongan yang mampu menarik lebih ramai pelancong ke negara.

Diantara inisiatif-inisiatif yang dijalankan oleh Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia melalui agensi Tourism Malaysia untuk mempromosikan Lembah Bujang adalah seperti yang berikut:

- i) Melalui pelaksanaan program suaikenal *megafam* dengan membawa wakil-wakil media dan para pengusaha pelancongan antarabangsa. Sebagai contoh, lawatan ke Lembah Bujang sempena Majlis Rumah Terbuka Malaysia Deepavali yang berlangsung dari 13 hingga 15 November 2015 dan melibatkan seramai 152 peserta yang terdiri daripada wakil agensi pelancongan, syarikat penerbangan dan media daripada 25 negara;
- ii) Mengadakan lawatan suai kenal bagi agensi pelancongan, hotel dan media tempatan bertujuan meninjau produk serta membangunkan pakej-pakej pelancongan yang bersesuaian;
- iii) Mengadakan bengkel pembangunan pakej serta seminar bagi membantu pengusaha pelancongan membangunkan pakej-pakej Lembah Bujang yang lebih menarik dan berdaya maju,

sebagai contoh, Seminar Discover Kedah 2016 pada 1-3 Januari 2016;

- iv) Penganjuran Persidangan Antarabangsa 'Kedah Tua International Conference'– Sungai Batu: The Oldest Civilization In Southeast Asia pada 21 Mei 2016 memberi fokus kepada kepentingan arkeologi Lembah Bujang. Persidangan ini dianjurkan oleh *Centre for Global Archaeological Research Malaysia*, Universiti Sains Malaysia, Jabatan Warisan Negara (Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia), *Northern Corridor Implementation Authority (NCIA)*, Kerajaan Negeri Kedah, *Malaysian Inbound Tourism Association (MITA)* dan *Institute Arkitek Malaysia*.
- v) Mempromosikan pakej pelancongan ke Lembah Bujang melalui risalah "*Cuti-Cuti 1Malaysia 1001 Packages*" yang turut dimuat naik ke laman web Tourism Malaysia ; dan
- vi) Menyebarkan maklumat mengenai produk pelancongan negeri kepada pelancong melalui Pejabat Tourism Malaysia Negeri dan Pusat Penerangan Pelancongan di seluruh negara serta melalui laman web Tourism Malaysia;

Kementerian ini juga telah memperuntukkan sebanyak RM7.2 juta di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), bagi melaksanakan dua (2) projek pembangunan pelancongan di Lembah Bujang seperti berikut:

- i) Menaiktaraf Kemudahan dan Infrastruktur di Persekitaran Muzium Arkeologi Lembah Bujang (Fasa 6)(RM200 ribu); dan

- ii) **Konservasi Dan Selenggara Tapak-Tapak Warisan Termasuk Bangunan Warisan Dan Warisan Kebangsaan (RM7.0 juta);**

Kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) juga sentiasa memberi perhatian untuk mempromosikan Lembah Bujang dengan menjalankan penyelidikan dan pembangunan berterusan termasuklah bagi mendapatkan bukti saintifik untuk menentukan sejarah ketamadunan yang wujud di tapak tersebut. Antara inisiatif yang dilaksanakan termasuk:

- i) **Merancang pembangunan fizikal di Lembah Bujang terutamanya di Sungai Batu dalam *Rolling Plan* Ketiga (RMKe-11) yang berjumlah RM30 juta dengan kerjasama Kerajaan Negeri Kedah dan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara [*Northern Corridor Implementation Authority* (NCIA)]. Pembangunan yang dicadangkan termasuklah pembinaan Galeri Warisan Arkeologi Lembah Bujang yang akan mempamerkan jumpaan di Sungai Batu dan Lembah Bujang secara amnya. Pembangunan ini juga turut melibatkan kemudahan infrastruktur yang lengkap untuk kemudahan pentadbiran dan pelawat;**
- ii) **Melaksanakan prosesewartakan Tapak Arkeologi di Lembah Bujang termasuklah Sungai Batu, Pengkalan Bujang, Bukit Choras, Permatang Pasir dan Candi Batu Pahat untuk tujuan perlindungan dan pemuliharaan; dan**
- iii) **Mengkaji kesesuaian Lembah Bujang untuk dicalonkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada masa hadapan, setelah data penyelidikan lengkap diperolehi serta memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh pihak UNESCO.**

Melalui JWN, di bawah RMKe-10 sebanyak RM13,908.677.69 telah diperuntukkan untuk tujuan pengambilan tanah dan sejumlah RM563,030.00 untuk kerja-kerja penyelenggaraan tapak warisan yang dijalankan secara *one-off* dan berkala. Sementara itu, di bawah RMKe-11 sebanyak RM196,010.00 telah dibelanjakan untuk kerja-kerja pembaikan infrastruktur, pembinaan *shelter* perlindungan, membina makmal dan stor artifak aekologi yang bertujuan untuk menaik taraf dan menyediakan infrastruktur untuk pelancong-pelancong yang melawat Lembah Bujang. Selain itu, JWN telah memperuntukan sebanyak lebih kurang RM4 juta bagi tujuan penyelidikan arkeologi di Lembah Bujang khususnya di tapak Sungai Batu.

Bagi tujuan permohonan cadangan projek pembangunan baharu di bawah *Rolling Plan 3 (RP3)*, Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) kepada Kementerian ini, pihak Kerajaan Negeri melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) adalah dipohon untuk bekerjasama dengan pejabat MOTAC di peringkat negeri bagi mengenalpasti projek pembangunan yang berpotensi untuk dilaksanakan. Keutamaan akan diberi kepada projek yang memberi impak yang besar kepada rakyat dan pertumbuhan ekonomi.

Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia akan terus memperkasakan usaha dan promosi untuk meningkatkan kemudahan prasarana pelancongan yang bersesuaian di Negeri Kedah bagi memastikan produk pelancongan ini dapat menarik minat lebih ramai pelancong dari dalam dan luar negara.

Sekian, terima kasih.